

# **MANUAL PENGURUSAN WASIAH ISLAM**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)**  
**Jabatan Perdana Menteri**  
**[www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)**

Cetakan Pertama ... 2010  
© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

### **Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:  
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 7, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**  
Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7406

Dicetak oleh:  
Najjah One Trading & Services  
18, Jalan Setia, Desa Seri Melor 2  
Sg. Merab Luar  
43000 Kajang  
**SELANGOR**  
Tel: 603-8926 9896 Faks: 603-8926 9897



**PERUTUSAN  
YB. MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**



**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Alhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah S.W.T. yang memiliki semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga Baginda serta para sahabat. Syukur kepada Allah S.W.T. dengan keizinan dariNya, Manual Pengurusan Wasiat Islam (MPWI) ini dapat diterbitkan sekali gus menjadi salah sebuah daripada Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Memandangkan hanya tiga negeri yang mempunyai enakmen wasiat dan hanya Selangor yang aktif melaksanakan pengurusan wasiat di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), maka garis panduan pengurusan wasiat orang Islam perlu diwujudkan bagi memudahkan pihak MAIN dalam melaksanakan pengurusan wasiat Islam dengan lebih berkesan.

Sehubungan itu, penerbitan MPWI ini adalah bertepatan dengan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian Kerajaan. MPWI ini menyediakan garis panduan serta prosedur yang jelas mengenai pengurusan harta wasiat; menyeragamkan prosedur pengurusan harta wasiat; menambah baik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan harta wasiat oleh MAIN. Seterusnya MPWI ini juga dapat menyebarluaskan ilmu pengetahuan berkaitan pelaksanaan wasiat kepada masyarakat umum.

Sekalung penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan MPWI ini. Semoga usaha murni seumpama ini akan membantu meningkatkan keberkesanannya tadbir urus harta umat Islam juga, InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

والسلام

**SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HJ. BAHAROM (B)**  
**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**



## SEKAPUR SIRIH

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., atas limpah rahmat dan keizinanNya juga, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah dapat menerbitkan sebuah lagi manual yang berjudul Manual Pengurusan Wasiat Islam (MPWI). Sekalung ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Manual ini.

Wasiat adalah instrumen dan mekanisme terbaik kepada pengurusan dan pentadbiran aset dalam Islam. Persepsi bahawa wasiat hanya aplikasi pengurusan dan pentadbiran harta orang kaya dan gaya hidup mewah perlu diubah kerana wasiat disyariatkan kepada seluruh umat manusia termasuk bukan Islam. Islam menyediakan platform yang terbaik untuk mengurus dan mentadbir harta secara lebih bijaksana melalui perancangan wasiat.

Aspek perancangan secara sistematik merupakan prasyarat ke arah membentuk masyarakat unggul. Ini menunjukkan bahawa Islam menuntut umatnya supaya sentiasa membuat perancangan dalam segenap aspek kehidupan. Kita hendaklah mengambil iktibar dari gesaan tersebut agar dapat menyediakan pelan perancangan wasiat yang rapi demi kesejahteraan keluarga di masa hadapan.

Manual ini bertujuan menyediakan garis panduan serta prosedur yang jelas mengenai pengurusan harta wasiat oleh Majlis Agama Islam Negeri. Ia juga merupakan usaha untuk menyeragamkan prosedur pengurusan harta wasiat bagi semua Majlis Agama Islam Negeri ke arah memperkasakan perancangan harta umat Islam bagi mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi ummah. Adalah diharapkan Manual Pengurusan Wasiat Islam ini akan dapat dimanfaatkan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

والسلام



**TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HASSAN**  
**Ketua Setiausaha Negara**



**SEULAS PINANG**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI**  
**(JAWHAR)**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T. di atas limpah kurniaNya yang telah mengupayakan Manual Pengurusan Wasiat Islam (MPWI) ini dapat diterbitkan oleh JAWHAR sebagai rujukan dan panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi memberi nilai tambah dalam sistem tadbir urus terbaik yang seragam seterusnya meningkatkan kecekapan pengurusan wasiat di seluruh negara.

Sekalung tahniah dan jutaan terima kasih kepada para pegawai MAIN, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Amanah Raya Berhad (ARB), ahli-ahli akademik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta pihak urus setia yang telah menyumbangkan kepakaran, idea, tenaga dan pengalaman dalam penerbitan manual ini. Kerjasama ini diharap akan berterusan demi kemajuan dan kemaslahatan ummah keseluruhannya.


Sesungguhnya, penerbitan MPWI ini merupakan usaha berterusan JAWHAR dalam mengukuhkan institusi wakaf, zakat, mal dan haji demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah selaras dengan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011). Justeru, penerbitan MPWI ini adalah selaras dengan matlamat untuk mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN juga. Selain itu, dengan

penerbitan MPWI ini juga diharapkan agar MAIN yang masih belum mempunyai enakmen wasiat dapat mengorak langkah dalam merangka enakmen wasiat negeri masing-masing bagi meningkatkan pengurusan harta umat Islam melalui instrumen wasiat ini.

Semoga usaha JAWHAR ini memberikan impak yang positif dalam pengurusan harta umat Islam melalui instrumen wasiat demi pemerkasaan institusi baitulmal keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

والسلام

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Dr. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH". The signature is fluid and cursive, with some loops and variations in line thickness.

**DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**  
**Ketua Pengarah JAWHAR**

## PENGHARGAAN



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang padu dalam menyiapkan Manual Pengurusan Wasiat Islam (MPWI) ini. Khususnya, sekalung penghargaan diucapkan kepada para pakar rujuk iaitu Prof. Madya Mohd Ridzuan bin Awang dan Ustaz Mohd. Zamro bin Muda dari Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Tuan Hj. Sulaiman bin Kadimi dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Pahang; Encik Ahmad Saruji bin Abdul Aziz dari Amanah Raya Berhad (ARB); Ustaz Indera Shahril bin Mohd. Shahid dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta para pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang telah menyumbang idea dan saranan bagi penerbitan MPWI ini. Semoga kesudian tuan/puan berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam merealisasikan penerbitan MPWI ini dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah S.W.T. dan mendapat balasan pahala yang berlipat ganda, *InsyaAllah. Jazakumullahu Khairan Kathira.*

## ABSTRAK



“Manual Pengurusan Wasiat Islam” (MPWI) merupakan salah satu terbitan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang menyediakan panduan serta tadbir urus terbaik berkaitan pengurusan wasiat. Sehingga kini, hanya terdapat tiga negeri sahaja yang mempunyai enakmen wasiat iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Justeru, penerbitan MPWI ini diharap dapat memberikan panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang masih belum mempunyai enakmen wasiat agar dapat merangka enakmen tersebut sekali gus memantapkan pengurusan harta umat Islam bagi negeri masing-masing.

Di dalam MPWI ini, setiap bab diperkemaskan dengan pengagihan tajuk dan huraian yang sesuai di mana Bab Pertama mengandungi objektif, skop, kaedah penyediaan manual, tanggungjawab waris terhadap harta pusaka si mati, faedah penulisan wasiat serta klausa penting dokumen wasiat. Seterusnya diikuti dengan Bab Kedua yang menyentuh konsep wasiat dalam Islam, definisi wasiat, dalil pensyariatan, hukum berwasiat, rukun dan syarat berwasiat. Selain itu, bab ini juga menerangkan isu dan permasalahan yang timbul berkaitan wasiat dan juga tatacara umum berwasiat.

Bab Ketiga pula menghuraikan secara terperinci mengenai pentadbiran dan pengurusan wasiat di Malaysia di mana kupasan dibuat berdasarkan beberapa topik kecil iaitu peruntukan perundangan dari Perlembagaan Persekutuan, Akta/Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-negeri dan Enakmen-enakmen Wasiat (Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka), peranan agensi-agensi dalam pentadbiran dan pengurusan wasiat, prosedur pentadbiran wasiat di MAIN dan juga langkah-langkah memperkasakan pentadbiran wasiat di Baitulmal. Turut dilampirkan ialah contoh enakmen wasiat, borang-borang berkaitan, carta aliran pengurusan wasiat orang Islam dan juga contoh kes yang pernah difailkan dengan Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM).

Penerbitan MPWI ini diharap dapat memberikan kefahaman dan kesedaran kepada umat Islam mengenai kepentingan berwasiat melalui prosedur-prosedur yang betul dan seragam bagi mengelakkan dari menghadapi permasalahan yang akan timbul pada masa akan datang. Kesimpulannya, MPWI ini perlu diguna pakai bagi membantu memperkasa

dan memperkemaskan sistem pengurusan wasiat yang dikendalikan oleh pihak MAIN selaras dengan usaha JAWHAR bagi memantapkan tadbir urus institusi mal dan meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi ummah untuk menuju ke mercu keterbilangan.

## GLOSARI



1. **Ayat al-mawarith** : Ayat-ayat berkaitan pembahagian pusaka dalam Islam (ayat 11, 12 dan 176, Surah An-Nisa').
2. **Ghair lazim** : Yang tidak mengikat.
3. **Guardian** : Penjaga.
4. **Hakiki** : Sebenarnya.
5. **I'tibari** : Institusi.
6. **Ijab** : Tawaran.
7. **'Intestate estate'** : Harta pusaka tidak berwasiat.
8. **Iqrar** : Pengakuan.
9. **Kafir harbi** : Orang musyrik yang harus ditentang kerana sikapnya yang bermusuh dan memerangi Islam.
10. **Kinayah** : Lafaz atau perkataan yang tersembunyi pengertian atau maksudnya, yang tidak dapat difahami tanpa keterangan lain.
11. **Lazim** : Yang mengikat.
12. **Letter of Administration** : Surat Kuasa Mentadbir.
13. **Mahabbah** : Kasih sayang.
14. **Mal hakiki** : Harta yang sebenar merangkumi harta alih dan harta tak alih.
15. **Mal hukmi** : Harta tidak secara hakiki iaitu manfaat.
16. **Mandub** : Sunat.

17. **Marad al-maut** : Sakit yang boleh menyebabkan kematian seseorang.
18. **Maslahah ‘ammah** : Kebajikan masyarakat secara umum.
19. **Mauqufah** : Yang tertangguh iaitu tidak boleh berkuat kuasa kecuali syarat-syarat yang ditetapkan telah dipenuhi.
20. **Mirath** : Pembahagian harta pusaka si mati selepas kematianya.
21. **Al-Musi** : Pewasiat.
22. **Al-Muso bih** : Harta yang diwasiatkan.
23. **Al-Muso lah** : Penerima wasiat.
24. **Mutaqawwim** : Boleh dimanfaatkan di sisi syarak.
25. **Nafizah** : Yang lulus dan boleh berkuat kuasa serta-merta.
26. **Nasakh** : Membatalkan.
27. **Nomination** : Penamaan.
28. **Nominee** : Penama.
29. **Originating summon** : Saman pemula.
30. **Partly testate and partly intestate** : Harta pusaka sebahagian berwasiat dan sebahagian lagi tidak berwasiat.
31. **Plaintif** : Pemohon.
32. **Al-Qabd** : Penyerahan hak pemunyaan.
33. **Qabul** : Penerimaan.
34. **Qarinah** : Fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi.
35. **Al-Qaul** : Perkataan.

36. **Rajih** : Lebih tepat.
37. **Al-Rusyd** : Cerdik.
38. **Sighah** : Lafaz tawaran dan penerimaan (*ijab* dan *qabul*).
39. **Sorih** : Yang jelas maksud serta pengertiannya.
40. **Ta‘awun** : Tolong-menolong.
41. **Tabarru‘** : Secara sukarela.
42. **Taqdiri** : Tidak secara hakiki.
43. **Tasarruf** : Pengurusan harta.
44. **Testate estate** : Harta pusaka berwasiat.
45. **Wadi‘ah** : Simpanan / amanah.
46. **Wasi** : Pentadbir harta.
47. **Wasiat ikhtiyariyyah** : Wasiat secara pilihan (bukan wajib).
48. **Wasiat wajibah** : Wasiat yang diperuntukkan di bawah undang-undang atau melalui kuat kuasa undang-undang.

# KANDUNGAN



**PERUTUSAN YB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEKAPUR SIRIH YBHG. KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JAWHAR**

**PENGHARGAAN**

**ABSTRAK**

**GLOSARI**

**BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif	2
1.3 Skop	2
1.4 Kaedah	2
1.5 Tanggungjawab Waris Terhadap Harta Pusaka Si Mati	3
1.5.1 Belanja Pengurusan Jenazah	3
1.5.2 Menyelesaikan Hutang Si Mati (jika ada)	3
1.5.3 Menyelesaikan Tuntutan Harta Sepencarian (jika berkenaan)	4
1.5.4 Wasiat Si Mati (jika ada)	4
1.5.5 Faraid	4
1.6 Faedah Penulisan Wasiat	4
1.7 Klausus Penting Dokumen Wasiat	5
1.8 Kesimpulan	6

**BAB 2: KONSEP WASIAT DALAM ISLAM**

2.1 Pengenalan	7
2.2 Definisi Wasiat	7
2.3 Dalil Pensyariatan Wasiat	8
2.3.1 Nas-nas Al-Quran	8
2.3.2 Sunnah Rasulullah S.A.W.	9
2.3.3 Ijmak	10
2.4 Hikmah Pensyariatan Wasiat	10
2.5 Hukum Berwasiat	11
2.6 Rukun dan Syarat Berwasiat	12
2.7 Jenis Wasiat	14
2.7.1 Wasiat Sah dan Batal	14
2.7.2 Wasiat <i>Lazim</i> dan <i>Ghair Lazim</i>	15
2.7.3 Wasiat <i>Nafizah</i> dan <i>Mauqufah</i>	15
2.7.4 Wasiat Mutlak dan Bersyarat	15
2.7.5 Wasiat Am dan Khas	15
2.8 Jenis dan Kadar Harta yang Boleh Diwasiatkan	16
2.9 Tatacara atau Kaedah Umum Berwasiat	17
2.10 Pembatalan Wasiat	17
2.11 Isu dan Permasalahan Berkaitan Wasiat	18
2.11.1 Wasiat Kepada Waris	18
2.11.2 Masa Menetapkan Kadar 1/3 Harta	19
2.11.3 Wasiat Dalam Pembahagian Harta Pusaka	19
2.11.4 Wakaf Melalui Wasiat	19
2.11.5 Wasiat <i>Wajibah</i>	19
2.11.6 Wasiat Kepada Janin Dalam Kandungan	20
2.11.7 Hibah Pada Masa <i>Marad al-Maut</i>	21

2.11.8 Masalah Penamaan ( <i>nomination</i> )	21
2.12 Kesimpulan	22
<b>BAB 3: PENGURUSAN WASIAT ISLAM DI MALAYSIA</b>	
3.1 Pengenalan	23
3.2 Aplikasi Wasiat di Malaysia	24
3.3 Peruntukan Perundangan	28
3.3.1 Perlembagaan Persekutuan	28
3.3.2 Akta/Enakmen Pentadbiran Undang- undang Islam Negeri-negeri	31
3.3.3 Enakmen-enakmen Wasiat (Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka)	32
3.4 Peranan Agensi-agensi Berkaitan	36
3.4.1 Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN)	36
3.4.2 Amanah Raya Berhad	36
3.4.3 Pejabat Tanah/ Unit Pembahagian Pusaka JKPTG Persekutuan	37
3.4.4 Mahkamah Tinggi Sivil	38
3.4.5 Pendaftar Hakmilik Pejabat Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian Negeri- negeri dan Agensi-agensi Penyimpan Rekod Pemilikan Harta-harta Si Mati	39
3.4.6 Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta	39
3.4.7 Pendaftar Pusat Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur	40
3.4.8 Mahkamah Syariah Negeri-negeri	41
3.5 Prosedur Pengurusan Wasiat di MAIN	44
3.5.1 Penyempurnaan Dokumentasi Wasiat	44
3.5.1.1 Permohonan Wasiat	44
3.5.1.2 Penyimpanan Wasiat	45

3.5.1.3	Pindaan atau Pembatalan Wasiat	45
3.5.1.4	Pengemaskinian Status Pewasiat	46
3.5.2	Pelaksanaan Wasiat	46
3.5.2.1	Penerimaan Maklumat Kematian Pewasiat	46
3.5.2.2	Pembacaan Wasiat	46
3.5.2.3	Siasatan	47
3.5.2.4	Penilaian Harta	47
3.5.2.5	Pengesahan Wasiat (jika perlu)	48
3.5.2.6	Pelaksanaan Wasiat	48
3.6	Langkah-langkah Memperkasa Pengurusan Wasiat di Baitulmal	49
3.6.1	Penggubalan dan Penyeragaman Enakmen Wasiat Negeri-negeri	49
3.6.2	Hebahan atau Promosi	50
3.6.3	Profesionalisme Kakitangan dan Organisasi yang Menguruskan Wasiat	50
3.6.4	Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu	51
3.6.5	Penggunaan Teknologi Terkini yang Memudahkan Penyampaian Perkhidmatan	51
3.6.6	Kerjasama Agensi-agensi Berkaitan Wasiat	52
3.7	Kesimpulan	53

**BAB 4: PENUTUP**

4.1	Pengenalan	55
4.2	Impak	56
4.3	Kesimpulan	57

## **LAMPIRAN**

- Lampiran 1 - Contoh Kandungan Enakmen Wasiat Orang Islam
- Lampiran 2 - Contoh Borang Permohonan Wasiat
- Lampiran 3 - Carta Aliran Pengurusan Wasiat Orang Islam
- Lampiran 4 - Contoh Kes

## **RUJUKAN**



## BAB 1



### PENDAHULUAN

*Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:*

*“Hai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seugama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut...”*

*(Surah Al-Ma’idah: Ayat 106)*

#### 1.1 PENGENALAN

Manual Pengurusan Wasiat Islam (MPWI) ini diterbitkan bertujuan untuk menerangkan perihal kepentingan pelaksanaan wasiat di kalangan umat Islam serta menyediakan garis panduan kepada agensi berkaitan serta umat Islam seluruhnya. Selain itu, MPWI juga merupakan manifestasi daripada salah satu peranan JAWHAR sebagai agensi Persekutuan dalam menerbitkan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang bertujuan meningkatkan tadbir urus terbaik institusi-institusi wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia. Bab pertama ini mempunyai dua aspek utama iaitu aspek penyediaan yang terdiri daripada objektif, skop dan kaedah penyediaan MPWI. Manakala aspek yang kedua adalah menyentuh tentang perkara-perkara asas berkaitan wasiat iaitu tanggungjawab waris terhadap harta pusaka si mati, faedah penulisan wasiat dan klausa penting dokumen wasiat dalam usaha penambahbaikan tadbir urus mal di Malaysia.

## 1.2    **OBJEKTIF**

MPWI ini bertujuan untuk:

- a.     Menyediakan garis panduan serta prosedur yang jelas mengenai pengurusan harta wasiat oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN);
- b.     Menyeragamkan prosedur pengurusan harta wasiat bagi semua MAIN;
- c.     Menambah baik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan harta wasiat oleh MAIN; dan
- d.     Menyebarluaskan ilmu pengetahuan berkaitan pelaksanaan wasiat kepada masyarakat umum.

## 1.3    **SKOP**

MPWI ini secara umumnya menyentuh tentang harta wasiat dan tadbir urus terbaik wasiat sebagai satu kaedah yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan dengan sistematik. MPWI ini pada bahagian awalnya akan menjelaskan tentang konsep harta wasiat dari segi definisi, pensyariatan, hukum, rukun, syarat, jenis, kadar harta yang boleh diwasiatkan dan hal-ehwal berkaitan. Seterusnya, MPWI ini akan menyentuh tentang prosedur dan kaedah tadbir urus terbaik harta wasiat dari segi aplikasinya di Malaysia, peruntukan perundangan, pentadbiran dan pengurusan, prosedur pentadbiran wasiat di MAIN dan hal-ehwal berkaitan. Justeru, MPWI ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan dan ia terbuka untuk rujukan masyarakat umum agar lebih peka dengan kepentingan instrumen wasiat dalam pengurusan harta.

## 1.4    **KAEDAH**

Pemilihan wasiat sebagai subjek penulisan adalah mengambil kira kepentingan wasiat yang merupakan salah satu daripada resolusi “Bengkel Pemantapan Harta Sumber Am: Wasiat” yang telah diadakan pada 28 hingga 30 April 2008 di Hotel Quality City Centre, Kuala Lumpur yang mencadangkan JAWHAR mengeluarkan garis panduan Enakmen Wasiat untuk diselaraskan oleh MAIN di setiap negeri berdasarkan pandangan *jumhur fuqaha* dan disesuaikan dengan perundangan syariah dan sivil di Malaysia.

MPWI ini disediakan melalui kaedah perbincangan secara langsung, sumbang-saran (*brainstorming*) idea, kepakaran serta pengalaman para ahli akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pegawai yang terlibat dalam pengurusan wasiat seperti Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (UPPKPTGP), pihak AmanahRaya Berhad (ARB), pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dari seluruh negara serta pegawai kanan JAWHAR. Kepakaran dan pengalaman kesemua mereka yang terlibat dikumpulkan dalam beberapa siri mesyuarat sehingga MPWI ini berjaya diterbitkan.

## **1.5 TANGGUNGJAWAB WARIS TERHADAP HARTA PUSAKA SI MATI**

Perlu ditekankan bahawa faraid merupakan kaedah terbaik dalam pembahagian harta pusaka dalam Islam sebagaimana yang ditetapkan dalam Al-Quran (Ayat 11, 12, dan 176, Surah An-Nisa') serta Sunnah Rasulullah S.A.W. Namun begitu, wasiat merupakan suatu perbuatan yang digalakkan (disunatkan) terutamanya untuk diberikan kepada keluarga yang miskin, kaum kerabat atau anak-anak yatim yang tidak tergolong dalam kalangan mereka yang berhak mendapat harta pusaka.

Sebaik sahaja selepas berlaku kematian seseorang dan sebelum harta pusakanya dibahagikan mengikut hukum faraid, waris-waris bertanggungjawab untuk menyelesaikan beberapa hak yang berkaitan dengan harta si mati iaitu:

### **1.5.1 Belanja Pengurusan Jenazah**

Perbelanjaan yang dikeluarkan untuk segala urusan yang berkaitan pengurusan jenazah yang diiktiraf oleh syarak. Perbelanjaan ini boleh diambil daripada harta si mati termasuklah pembelian peralatan kafan, keranda, upah memandikkan jenazah, upah menggali kubur, upah membawa jenazah ke kubur sama ada dengan cara diusung atau dibawa dengan kereta jenazah dan sebagainya.

### **1.5.2 Menyelesaikan Hutang Si Mati (jika ada)**

Setelah pengurusan jenazah disempurnakan, maka hendaklah dilunaskan pula segala hutang si mati. Hutang dibahagikan kepada dua kategori iaitu hutang kepada Allah S.W.T. dan hutang kepada manusia. Menurut pandangan

yang paling sahih dalam Mazhab Syafi'e, hutang kepada Allah S.W.T. seperti zakat, kifarat, fidyah, nazar dan haji fardu hendaklah didahulukan ke atas hutang kepada manusia iaitu hutang si mati semasa hayatnya kepada pihak-pihak tertentu.

#### **1.5.3 Menyelesaikan Tuntutan Harta Sepencarian (jika berkenaan)**

Mengikut amalan di Malaysia, setelah menyelesaikan hutang-hutang si mati, suami atau isteri si mati boleh menuntut pembahagian harta sepencarian di Mahkamah Syariah negeri-negeri. Tuntutan harta sepencarian boleh dibuat selepas berlaku kematian salah satu pihak sama ada suami atau isteri. Penentuan kadar harta sepencarian akan diputuskan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri.

#### **1.5.4 Wasiat Si Mati (jika ada)**

Setelah diselesaikan hutang-hutang dan diputuskan pembahagian harta sepencarian, waris-waris hendaklah menunaikan wasiat jika si mati semasa hayatnya ada meninggalkan wasiat sebagaimana dalam perbincangan seterusnya.

#### **1.5.5 Faraid**

Setelah diselesaikan semua perkara-perkara seperti di atas, barulah baki daripada harta si mati itu dibahagikan kepada ahli-ahli waris mengikut hukum faraid sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W.

### **1.6 FAEDAH PENULISAN WASIAT**

Penulisan wasiat memberi banyak faedah dalam perancangan harta umat Islam, antaranya ialah:

- a. Pelantikan pentadbir harta (wasi) melalui dokumen wasiat bagi memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka setelah berlaku kematian.
- b. Membantu melaksanakan hasrat pewasiat yang ingin mewasiatkan harta bagi tujuan-tujuan tertentu seperti kebajikan dan membantu ahli keluarga, kaum kerabat, anak yatim dan sebagainya.

- c. Membantu dan menjamin masa depan insan-insan tersayang yang memerlukan tetapi tidak tergolong dalam kalangan mereka yang berhak menerima harta pusaka.
- d. Pelantikan penjaga (*guardian*) dalam kalangan orang yang dipercayai melalui wasiat bagi menjamin kebajikan dan kepentingan anak-anak di bawah umur terpelihara selepas kematian.
- e. Mengurangkan bebanan dan komplikasi (yang terpaksa ditanggung oleh waris-waris yang ditinggalkan) dalam pengurusan dan pentadbiran harta yang ditinggalkan melalui perancangan yang teliti sebelum meninggal dunia.

## 1.7 KLAUSA PENTING DOKUMEN WASIAT

Dalam penulisan dokumen wasiat, di samping hasrat untuk mewasiatkan harta adalah penting untuk pewasiat menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) Nasihat dan pesanan yang baik kepada suami/isteri, anak-anak dan ahli keluarga yang lain.
- (b) Nama suami/isteri, anak-anak dan waris yang layak menerima harta.
- (c) Pengisyiharan harta dan hutang yang dimiliki.
- (d) Arahan untuk melunaskan segala hutang.
- (e) Menyatakan hasrat pengagihan harta kepada seseorang atau untuk tujuan kebajikan.
- (f) Pelantikan wasi, pemegang amanah dan penjaga bagi anak-anak di bawah umur, kurang upaya atau terencat akal.
- (g) Arahan pewasiat terhadap perbelanjaan yang diperlukan untuk mentadbir harta pusaka. Pewasiat boleh menyatakan larangan supaya tidak menggunakan hartanya bagi tujuan yang tidak bermanfaat kepada dirinya dan waris-waris yang ditinggalkan.

Dokumen wasiat Islam mesti ditandatangani oleh pewasiat dan disaksikan oleh dua orang saksi lelaki, atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan atau empat orang saksi perempuan.

## **1.8 KESIMPULAN**

Justeru, dapatlah kita fahami bahawa wasiat merupakan satu instrumen yang penting dalam perancangan harta umat Islam selepas berlaku kematian selain daripada faraid yang merupakan kaedah utama dalam pembahagian harta pusaka peninggalan si mati. Penerbitan MPWI ini adalah bertujuan untuk memberi impak positif kepada seluruh umat Islam amnya dan pihak MAIN khasnya dari segi pengurusan dan perancangan harta. Secara tidak langsung juga, manual ini akan memberi kesedaran kepada orang ramai dalam melihat signifikan kewujudan institusi Baitulmal serta peranannya sebagai pentadbir (wasi) dan pemegang amanah harta umat Islam serta bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan masyarakat secara umum (*maslahah ‘ammah*) sebagaimana peranannya pada zaman kegemilangan tamadun Islam sebelum ini.

## BAB 2



### KONSEP WASIAT DALAM ISLAM

*Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:*

*“Sesiapa yang mati dalam keadaan meninggalkan wasiat maka dia mati di atas jalan yang satu dan mengikut sunnah dan dia mati sebagai seorang yang bertakwa dan bersyahadat serta mati dalam keadaan dosa-dosanya diampunkan.”*

*(Hadis riwayat Ibn Majah)*

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini akan menghuraikan konsep wasiat dalam Islam yang menyentuh mengenai definisi wasiat, dalil pensyariatan wasiat, hikmah pensyariatan wasiat, hukum berwasiat, rukun dan syarat berwasiat, jenis wasiat, jenis dan kadar harta yang boleh diwasiatkan, tatacara atau kaedah umum berwasiat, pembatalan wasiat dan isu-isu atau permasalahan berkaitan wasiat.

Wasiat adalah salah satu daripada bahagian *fiqh* yang mengatur pembahagian harta seseorang Muslim semasa hidup yang berkuat kuasa selepas kematiannya. Wasiat mempunyai persamaan dengan pusaka (*mirath*) kerana kedua-duanya berkaitan pewarisan harta selepas kematian. Wasiat dan pusaka tidak akan berlaku pada masa hidup, ia terbatas hukumnya selepas kematian pemilik harta serta kedua-duanya juga berlaku tanpa balasan.

#### 2.2 DEFINISI WASIAT

Para fuqaha mempunyai pendapat berbeza tentang definisi wasiat. Mazhab Syafi'i mentakrifkan wasiat sebagai memberi milik harta, manfaat atau hak secara sukarela (*tabarru'*) yang akan berkuat kuasa selepas kematian.

## 2.3 DALIL PENSYARIATAN WASIAT

Pensyariatan wasiat didasarkan kepada nas Al-Quran, As-Sunnah dan *Ijmak*.

### 2.3.1 Nas-nas Al-Quran

Pada permulaan Islam, berwasiat adalah wajib kepada ibu bapa dan kaum kerabat terdekat bagi mereka yang memiliki harta yang banyak berdasarkan kepada firman Allah S.W.T.:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمُؤْمِنُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبَيْنِ بِالْمَعْرُوفِ  
حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾

Mafhumnya: “Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan ugama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa”.

(Surah al-Baqarah, Ayat 180)

Kebanyakan para sahabat antaranya Sayidina Abu Bakar, ‘Ali bin Abi Talib, Ibn ‘Umar dan Imam Syafi’i berpendapat bahawa hukum wajib ini telah dimansuhkan dengan turunnya ayat *al-mawarith* (ayat 11, 12 dan 176, Surah al-Nisa’), iaitu ayat yang secara khusus menyentuh peruntukan bahagian-bahagian yang telah ditetapkan kepada waris-waris dalam pembahagian harta pusaka. Dengan turunnya ayat tersebut, amalan berwasiat menjadi suatu perbuatan yang digalakkan (disunatkan) kepada keluarga yang terdekat yang tidak mendapat harta pusaka dan yang bukan waris.

Pensyariatan wasiat juga diambil daripada Surah An-Nisa’, Ayat 11. Firman Allah S.W.T.:

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَى بِهَا أَوْ دِينٍ

Mafhumnya: “...(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya”.

(Surah An-Nisa’, Ayat 11)

Allah mensyariatkan pembahagian pusaka selepas menjelaskan hutang dan wasiat. Ini menunjukkan bahawa wasiat adalah harus hukumnya.

### 2.3.2 Sunnah Rasulullah S.A.W.

Terdapat banyak hadis Rasulullah S.A.W. yang menjelaskan dalil pensyariatan wasiat, di antaranya adalah sabda Rasulullah S.A.W.:

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: "ما حق  
أمرىء مسلم، له شيء يوصي فيه، ببيت ليلتين إلا ووصيته مكتوبة عنده"

Maksudnya: "*Tidak wajar bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan, membiarkan dua malam berlalu tanpa menulis wasiatnya*".

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Sabda Rasulullah S.A.W. dalam hadis yang lain:

سعد بن أبي وقاص رضي الله عنه، قال: عادني رسول الله صلى الله عليه وسلم في حجة الوداع، من وقع أشفيت منه على الموت ، فقلت: يا رسول الله، بلعني ما ترى من الوجع، وأنا ذو مال، ولا يرثني إلا ابنة لي واحدة، فأفأتصدق بشلي مالي؟ قال: "لا" قلت: فأفأتصدق بشطره؟ قال: "لا، الثالث، والثلث كثير، إنك أن تذر ورثتك أغنياء خير من أن تذرهم عالة يتكلفون الناس"

Maksudnya: *Sa'ad bin Abi Waqqas R.A. berkata: "Rasulullah S.A.W. datang mengunjungiku pada tahun haji Wada' sewaktu aku dalam keadaan yang sangat sakit, lalu aku bertanya: "Hai Rasulullah!, Sakitku ini adalah sangat serius. Bagaimana pendapat tuan. Aku ini orang berada tetapi tidak ada yang dapat mewarisi hartaku melainkan anak perempuanku seorang. Apakah sebaiknya aku wasiatkan 2/3 hartaku?" "Jangan", jawab Rasulullah. Separuh ya Rasulullah? Sambungku lagi. Jawab Rasulullah: "Jangan, sepertiga. Sebab sepertiga itu banyak dan besar, kerana jika kamu meninggalkan ahli waris dalam keadaan yang mencukupi adalah lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin yang meminta-minta kepada orang ramai".*

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

### 2.3.3 Ijmak

Telah berlaku *ijmak* dalam kalangan para sahabat bahawa wasiat adalah diharuskan.

## 2.4 HIKMAH PENSYARIATAN WASIAT

Antara hikmah-hikmah pensyariatan wasiat adalah seperti berikut:

- i. Berwasiat merupakan amalan kebaikan yang direhui oleh Allah S.W.T. dan dilakukan oleh mereka yang bertakwa kepadaNya dengan cara menggunakan harta dan manfaat yang mereka miliki.
- ii. Amalan berwasiat ini adalah peluang keemasan yang sebaik-baiknya bagi umat Islam untuk menghubungkan kebaikan yang diperolehinya di dunia ini dengan pahala dan kebaikan di akhirat nanti;
- iii. Pelaksanaan wasiat juga membolehkan seseorang ahli keluarga terdekat yang terhalang daripada mewarisi harta pusaka oleh sebab-sebab tertentu menerima harta si mati;
- iv. Wasiat juga dapat memberikan kepada anak-anak yatim terutama dalam kalangan mereka yang masih mempunyai pertalian darah dengan si mati, anak angkat dan individu atau pihak tertentu yang memerlukan bantuan; dan
- v. Sekiranya wasiat dilaksanakan dengan tatacara atau prosedur yang betul sebagaimana yang digariskan oleh syarak, maka ia akan menghindarkan pertelingkahan dan pergaduhan dalam kalangan ahli keluarga dan sekali gus akan mengeratkan tali persaudaraan sesama mereka.

## 2.5 HUKUM BERWASIAT

Telah berlaku kesepakatan ulama bahawa pada awalnya wasiat adalah wajib untuk dua ibu bapa dan kaum kerabat berdasarkan Ayat 180, Surah Al-Baqarah, iaitu bagi mereka yang mempunyai harta yang banyak. Tetapi selepas turunnya ayat mengenai pewarisan (ayat *al-mawarith*), maka berlaku perselisihan dalam kalangan *fuqaha* tentang hukum wasiat kepada tiga pendapat:

- Pendapat *jumhur fuqaha* yang terdiri daripada mazhab empat berpendapat bahawa wasiat adalah sunat (*mandub*) dan digalakkkan. Kewajipan berwasiat dalam Ayat 180, Surah Al-Baqarah telah dinasakhkan dengan ayat *al-mawarith* dan oleh hadis Rasulullah S.A.W.:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِيْ حَقٍّ حَقَّهُ فَلَا وِصَيَّةٌ لِوَارثٍ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah S.W.T. telah memberi setiap orang yang mempunyai hak akan haknya maka tidak harus berwasiat kepada ahli waris”.

(Hadis riwayat Tirmizi dan Abu Daud)

Pendapat ini menjadi pegangan dan amalan pelaksanaan wasiat di Malaysia.

- Pendapat segolongan *fuqaha tabiin* dan mereka yang kemudiannya, bahawa wasiat adalah wajib sama seperti hukum asalnya bagi mereka yang mempunyai harta. Demikian juga Ibn Hazm berpendapat bahawa wasiat adalah fardu bagi mereka yang meninggalkan harta. Golongan ini berpegang kepada Ayat 180, Surah Al-Baqarah kerana ayat tersebut menasakhkan hukum wajib berwasiat kepada dua ibu bapa dan kaum kerabat yang menjadi ahli waris dalam pusaka tetapi hukum kewajipan berwasiat kepada bukan waris masih berkekalan.
- Pendapat Daud al-Zahiri bahawa hukum wasiat adalah wajib bagi dua ibu bapa dan kaum kerabat yang tidak menerima harta pusaka.

Hukum berwasiat terbahagi kepada lima bahagian berdasarkan keadaan-keadaan tertentu iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

- a. **Wajib:** Iaitu mewasiatkan sesuatu yang wajib dalam tanggungan pewasiat sama ada ia terdiri daripada hak-hak Allah S.W.T. dan hamba seperti mengeluarkan zakat, kifarat, nazar, haji, fidyah dan puasa, menunaikan hutang terhadap pemutang dan memulangkan barang *wadi'ah* kepada tuannya. Dalam keadaan ini, membuat wasiat adalah wajib.
- b. **Sunat:** Iaitu mewasiatkan harta pada jalan kebaikan dan kebajikan untuk golongan tertentu dan kaum kerabat yang tidak akan menerima harta pusaka, fakir miskin, anak angkat, orang yang dalam keperluan, orang yang berhajat, yayasan kebajikan dan agama seperti masjid dan sebagainya.
- c. **Harus:** Iaitu mewasiatkan untuk golongan tertentu termasuklah kaum kerabat yang kaya dan lain-lain.
- d. **Makruh:** Iaitu mewasiatkan harta bagi tujuan yang makruh di sisi syarak seperti wasiat untuk mendirikan binaan di atas kubur.
- e. **Haram:** Iaitu mewasiatkan harta kepada perkara-perkara yang ditegah oleh syarak. Wasiat jenis ini dianggap batal dan tidak boleh dikuatkuasakan oleh ahli-ahli waris.

## 2.6 RUKUN DAN SYARAT BERWASIAT

Mengikut Mazhab Maliki, Syafi'e dan Hanbali wasiat mempunyai empat rukun iaitu pewasiat, penerima wasiat, harta yang diwasiatkan dan *sighah*. Bagi setiap empat rukun di atas mempunyai syarat-syarat tertentu seperti berikut:

- a. **Pewasiat (*al-musi*):** Iaitu orang yang membuat tawaran (*ijab*) untuk berwasiat semasa hidupnya. Pewasiat disyaratkan kepada syarat-syarat tertentu iaitu:
  - i. Pewasiat hendaklah pemilik harta secara milik sempurna pada masa kematian;
  - ii. Baligh. Bagi Mazhab Hanafi, Syafi'e dan Zahiri, mereka mensyaratkan baligh bagi seseorang pewasiat, manakala Mazhab Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa pewasiat hendaklah seorang yang mumaiyiz;

- iii. Berakal (iaitu tidak gila). Menurut Mazhab Hanafi dan Syafi'e, gila yang berterusan bagi satu tempoh waktu yang panjang akan membatalkan wasiatnya jika dia mati dalam keadaan tersebut;
  - iv. Redha dan pilihan sendiri; serta
  - v. Cerdik (*al-rusyd*). Mazhab Syafi'e mensyaratkan pewasiat adalah seorang yang cerdik.
- b. **Penerima Wasiat (*al-muso lah*):** lait u orang yang menerima (*qabul*) wasiat yang dibuat oleh pewasiat. Penerima wasiat terbahagi kepada dua kategori sama ada individu atau institusi (*i'tibari*). Disyaratkan penerima wasiat hendaklah terdiri daripada syarat-syarat berikut:
- i. Penerima wasiat, institusi atau badan yang tertentu (seperti masjid) dan disyaratkan bukan untuk tujuan maksiat;
  - ii. Penerima wasiat hendaklah wujud secara *hakiki* atau *taqdiri*;
  - iii. Penerima hendaklah diketahui dengan jelas;
  - iv. Penerima hendaklah seorang yang boleh menerima harta dan boleh memberi milik harta. Bagi kanak-kanak yang belum mumaiyiz, penerimaan hendaklah dibuat oleh wali malnya;
  - v. Penerima wasiat bukan seorang pembunuhan. Bagaimanapun, Mazhab Syafi'i mengharuskan seorang pembunuhan menerima wasiat;
  - vi. Penerima wasiat bukan kafir *harbi*; dan
  - vii. Penerima wasiat bukan dari kalangan waris melainkan setelah mendapat persetujuan waris-waris yang lain.
- c. **Harta Yang Diwasiatkan (*al-muso bih*):** Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:
- i. Harta yang hendak diwasiatkan itu hendaklah *mal hakiki* seperti harta alih dan harta tak alih dan *mal hukmi* iaitu manfaat;

- ii. Harta itu hendaklah harta *mutaqawwim* iaitu harta yang boleh dimanfaatkan di sisi syarak;
  - iii. Harta itu boleh dijadikan hak pemilikan;
  - iv. Harta itu wujud dalam pemilikan pewasiat pada masa wasiat itu dilakukan;
  - v. Harta itu tidak terikat dengan hutang yang ditanggung oleh pewasiat pada masa kematianya; dan
  - vi. Harta itu hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 harta pewasiat kecuali telah dipersetujui oleh ahli-ahli waris selepas kematianya.
- d. ***Sighah* Iaitu *Ijab* dan *Qabul*.** Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:
- i. *Sighah* wasiat hendaklah dengan lafaz yang *sorih*, kinayah ataupun isyarat;
  - ii. *Qabul*/hendaklah diterima oleh penerima wasiat individu tertentu, jika penerima institusi maka tidak disyaratkan *qabul*;
  - iii. *Qabul* oleh penerima wasiat hendaklah dibuat selepas kematian pewasiat. Penerimaan atau penolakan yang dibuat pada masa hidup pewasiat tidak diambil kira; dan
  - iv. *Qabul* oleh pewasiat tidak disyaratkan dengan segera.

## 2.7 JENIS WASIAT

Wasiat terbahagi kepada beberapa jenis berdasarkan kepada kesahan, penerima dan lafaz *sighah*. —

### 2.7.1 Wasiat Sah dan Batal

Wasiat yang sah adalah wasiat yang melengkapri rukun-rukun dan syarat-syaratnya serta tidak wujud halangan dalam melaksanakannya. Manakala wasiat yang batal adalah wasiat yang tidak menepati salah satu rukun atau syarat yang ditetapkan pada rukun tersebut.

## 2.7.2 Wasiat *Lazim* dan *Ghair Lazim*

Wasiat *lazim* adalah wasiat yang mengikat kedua-dua pihak apabila penerima wasiat menerima wasiat tersebut selepas kematian pewasiat dan penerima wasiat tidak ada hak untuk menarik balik penerimaan tersebut mengikut pendapat *jumhur fuqaha*. Manakala wasiat *ghair lazim* ialah wasiat yang membolehkan salah satu pihak atau kedua-duanya membatalkan wasiat itu dengan kemahanuan masing-masing tanpa persetujuan salah satu pihak yang lain.

## 2.7.3 Wasiat *Nafizah* dan *Mauqufah*

Wasiat *nafizah* adalah wasiat yang lulus dan boleh berkuat kuasa serta-merta selepas kematian. Manakala wasiat *mauqufah* adalah wasiat yang tidak boleh berkuat kuasa kecuali syarat-syarat yang ditetapkan dalam wasiat telah dipenuhi seperti wasiat kepada waris, wasiat kepada janin dalam kandungan dan sebagainya.

## 2.7.4 Wasiat Mutlak dan Bersyarat

Wasiat mutlak adalah wasiat dibuat terhadap 1/3 harta dengan bebas atau tanpa syarat-syarat tertentu. Menurut Mazhab Syafi'i dan Hanbali, wasiat mutlak akan berkuat kuasa untuk selama-lamanya dan berlaku segera selepas kematian pewasiat. Manakala wasiat bersyarat adalah wasiat yang mengandungi syarat-syarat tertentu yang ditentukan oleh pewasiat. Jika syarat-syarat tersebut tidak menyalahi hukum syarak, maka ia mengikat penerima wasiat atau penerima wasiat boleh menolak wasiat tersebut. Sekiranya syarat-syarat tersebut menyalahi hukum syarak, maka wasiat itu adalah batal.

## 2.7.5 Wasiat Am dan Khas

Wasiat am adalah wasiat yang dibuat kepada penerimanya yang berbentuk umum seperti penduduk sesuatu kawasan. Wasiat ini akan merangkumi semua penduduk di kawasan itu. Manakala wasiat khas adalah wasiat yang dikhurasukan untuk penerima-penerima tertentu sahaja.

## 2.8 JENIS DAN KADAR HARTA YANG BOLEH DIWASIAKAN

Harta yang boleh diwasiatkan adalah terdiri daripada ain harta sama ada dalam bentuk harta tak alih atau harta alih (yang dikenali sebagai *mal hakiki*) atau manfaat (yang dikenali sebagai *mal hukmi*).

Kadar harta yang dibenarkan dalam wasiat adalah setakat 1/3 sahaja. Bagaimanapun, kadar harta yang boleh diwasiatkan tertakluk kepada pewasiat sama ada mempunyai waris dalam pusaka ataupun tidak. Jika pewasiat mempunyai waris, maka kedudukan hukum dan kadarnya adalah seperti berikut:

- a. Pendapat yang masyhur dalam Mazhab Maliki dan Zahiri; wasiat yang dibuat melebihi kadar 1/3 harta adalah batal dan tidak memerlukan keizinan waris-waris; dan
- b. Pendapat yang *rajih* dalam Mazhab Syafi'e dan Hanbali; wasiat yang dibuat melebihi kadar 1/3 adalah sah jika mendapat persetujuan semua waris selepas kematian pewasiat atau tidak sah jika tidak mendapat persetujuan mereka. Jika sebahagian waris bersetuju dan sebahagian yang lain tidak bersetuju, maka kadar yang lebih daripada 1/3 itu sah setakat bahagian waris yang bersetuju sahaja.

Jika pewasiat tidak mempunyai waris dalam pusaka, maka kedudukan hukum dan kadarnya adalah seperti berikut:

- a. Mengikut Mazhab Hanafi dan Hanbali, wasiat yang melebihi 1/3 adalah harus jika pewasiat tidak mempunyai waris dan tidak ada hutang. Malah pewasiat boleh mewasiatkan semua hartanya selepas ditolak urusan pengebumian dan hutang-hutangnya serta tidak memerlukan persetujuan pemerintah; dan
- b. Mengikut Mazhab Maliki, Syafi'e dan Zahiri, wasiat yang melebihi kadar 1/3 harta adalah tidak sah walaupun pewasiat tidak mempunyai waris kerana Baitulmal adalah waris pada masa itu.

## 2.9 TATACARA ATAU KAEDAH UMUM BERWASIAH

- a. Wasiat boleh dibuat sama ada melalui perkataan, dalam bentuk *sorih* atau *kinayah*. Lafaz *kinayah* memerlukan kepada *qarinah* seperti “selepas kematianku” dan sebaik-baiknya disaksikan oleh dua orang saksi yang sempurna akalnya;
- b. Wasiat juga boleh dibuat dalam bentuk tulisan dan wasiat yang dibuat secara bertulis adalah lebih baik. Bagaimanapun, menurut Mazhab Syafi'i, wasiat melalui tulisan dianggap *kinayah* dan ia memerlukan niat dan disyaratkan ada saksinya, jika tidak wasiat itu tidak sah;
- c. Wasiat juga boleh dibuat melalui isyarat bagi orang yang bisu, pekak dan sebagainya;
- d. Penerimaan atau *qabul* dalam wasiat hendaklah dibuat selepas kematian pewasiat sama ada secara segera atau bertangguh. Bagaimanapun, menurut Mazhab Syafi'e, waris-waris boleh meminta penerima wasiat membuat penerimaan secara segera; dan
- e. Penolakan wasiat boleh dibuat selepas kematian pewasiat dan menurut Mazhab Syafi'e, penolakan hendaklah dibuat dengan perkataan (*al-qaul*) atau seumpamanya.

## 2.10 PEMBATALAN WASIAT

Pembatalan wasiat boleh berlaku berdasarkan sebab-sebab seperti berikut:

- a. Hilang kelayakan atau keahlian pewasiat seperti gila yang berterusan selepas wasiat dibuat, sama ada gila itu sampai mati atau sebaliknya menurut Mazhab Hanafi dan Syafi'e;
- b. Penerima wasiat meninggal dunia terlebih dahulu daripada pewasiat;
- c. Kerosakan atau kebinasaan seluruh harta yang diwasiatkan. Kebinasaan sebahagian harta tidak membatalkan wasiat yang dibuat;
- d. Penolakan wasiat oleh penerima wasiat selepas kematian pewasiat;

- e. Penarikan balik oleh pewasiat terhadap wasiat yang dibuat pada bila-bila masa sebelum kematian, sama ada dengan sebab-sebab tertentu atau tanpa sebab. Penarikan balik boleh dibuat melalui percakapan atau perbuatan;
- f. Pewasiat tidak mempunyai hak milik sempurna terhadap harta yang diwasiatkan pada masa kematian;
- g. Wasiat yang dibuat untuk tujuan maksiat, dan harta yang diwasiatkan itu harta yang tidak bernilai dari segi syarak seperti alat-alat muzik untuk tujuan hiburan;
- h. Wasiat yang dibuat kepada ahli waris yang tidak mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain selepas kematian pewasiat mengikut pendapat *jumhur fuqaha* selain Mazhab Maliki;
- i. Wasiat yang dibuat melebihi kadar 1/3 harta pewasiat dan tidak mendapat persetujuan ahli-ahli waris selepas kematian pewasiat; dan
- j. Tidak berlaku syarat yang ditetapkan dalam wasiat.

## 2.11 ISU DAN PERMASALAHAN BERKAITAN WASIAT

### 2.11.1 Wasiat Kepada Waris

Wasiat kepada ahli waris yang berhak terhadap harta pusaka si mati adalah tertangguh (*mauqufah*) mengikut pendapat *jumhur fuqaha* (selain daripada Mazhab Maliki). Wasiat tersebut adalah tertakluk kepada persetujuan ahli-ahli waris. Jika mereka bersetuju, wasiat itu sah dan sebaliknya jika mereka tidak bersetuju, wasiat itu tidak sah. Persetujuan ahli waris tertakluk kepada dua syarat, iaitu:

- i. Persetujuan itu hendaklah diperolehi selepas kematian pewasiat; dan
- ii. Ahli-ahli waris yang akan memberi persetujuan hendaklah mereka yang mempunyai keahlilan iaitu baligh, tidak gila dan tidak dipaksa. Perkiraan seseorang itu sebagai ahli waris atau sebaliknya hendaklah diambil kira pada masa kematian pewasiat.

## 2.11.2 Masa Menetapkan Kadar 1/3 Harta

Perkiraan kadar 1/3 harta hendaklah dibuat selepas ditolak perbelanjaan pengurusan jenazah, semua hutang-hutang si mati sama ada yang berkaitan dengan manusia atau hutang-hutang dengan Allah S.W.T. dan harta sepencarian antara suami dan isteri.

Masa untuk menetapkan kadar 1/3 wasiat si mati boleh dilakukan semasa kematian atau pada masa tuntutan pusaka dilaksanakan. Bagi Mazhab Syafi'i, penetapan kadar 1/3 harta itu hendaklah dibuat pada masa kematian dan bukan pada masa tuntutan pembahagian pusaka dilakukan. Oleh itu, apa-apa pertambahan atau keuntungan selepas kematian adalah milik penerima wasiat.

## 2.11.3 Wasiat Dalam Pembahagian Harta Pusaka

Pada amnya, pelaksanaan wasiat adalah bertujuan untuk mengkhususkan pembahagian harta kepada golongan yang tidak tersenarai sebagai penerima pusaka. Bagaimanapun, terdapat juga situasi seseorang itu mewasiatkan harta pusaka agar dibahagikan mengikut kadar bahagian masing-masing dalam pusaka (faraid) supaya tidak berlaku perselisihan dan perbalahan di antara mereka.

Menurut *jumhur fuqaha*, wasiat ini tidak mengikat ahli-ahli waris, di mana mereka boleh menerima atau menolaknya. Sebaliknya menurut sebahagian *fuqaha* Syafi'e dan Hanbali, wasiat tersebut adalah harus dan mengikat ahli-ahli waris selama mana pembahagian itu adalah adil.

## 2.11.4 Wakaf Melalui Wasiat

Wakaf boleh dibuat melalui dokumen wasiat, di mana wakaf tersebut akan berkuat kuasa selepas kematian pewasiat. Menurut hukum syarak, wakaf tersebut tertakluk kepada kadar 1/3 harta si mati.

## 2.11.5 Wasiat *Wajibah*

Wasiat *wajibah* bermaksud wasiat yang diperuntukkan di bawah undang-undang atau melalui kuat kuasa undang-undang. Wasiat *wajibah* berlaku kepada cucu yang terhalang daripada mendapat harta pusaka datuk atau neneknya kerana bapanya meninggal dunia lebih awal atau serentak dengan datuk atau neneknya.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-83 pada 22-24 Oktober 2008 bertempat di Kota Bharu, Kelantan telah memutuskan bahawa dalam melaksanakan wasiat *wajibah*, adalah harus mengambil pandangan yang menyatakan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris (seperti cucu) yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan-halangan tertentu adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan.

Pelaksanaan wasiat *wajibah* adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:

- i. Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima wasiat *wajibah*;
- ii. Pembahagian wasiat *wajibah* boleh dilaksanakan setelah didahului urusan berkaitan mayat, wasiat *ikhtiyariyyah* dan hutang piutang; dan
- iii. Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek atau kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar  $\frac{1}{3}$  daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah  $\frac{1}{3}$  atau kurang daripada  $\frac{1}{3}$ , maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi  $\frac{1}{3}$  maka hendaklah dikurangkan pada kadar  $\frac{1}{3}$  melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain.

#### **2.11.6 Wasiat Kepada Janin Dalam Kandungan**

Telah berlaku kesepakatan dalam kalangan *fuqaha* bahawa wasiat kepada janin dalam kandungan adalah sah sama ada harta yang diwasiatkan itu ain harta atau manfaat. *Jumhur fuqaha* (selain Mazhab Maliki) menentukan syarat sah wasiat tersebut iaitu:

- i. Janin itu hendaklah benar-benar wujud pada masa wasiat itu dibuat. Jika janin tidak wujud dalam kandungan, wasiat itu akan terbatal. Bagi Mazhab Maliki, syarat ini tidak diterima kerana wasiat akan sah sama ada janin itu wujud atau akan wujud pada masa hadapan; dan
- ii. Janin itu dilahirkan hidup berdasarkan kepada tanda-tanda tertentu seperti ia menangis atau sebagainya mengikut pendapat *jumhur fuqaha*.

Pembahagian harta wasiat di antara beberapa orang janin sama ada lelaki atau perempuan hendaklah dibuat secara sama rata.

### **2.11.7 Hibah Pada Masa *Marad al-Maut***

Istilah *marad al-maut* bermaksud sakit yang boleh menyebabkan kematian seseorang. Oleh itu, hibah pada masa *marad al-maut* ialah pemberian harta yang dibuat oleh seseorang yang sedang sakit tenat yang boleh membawa kepada kematian penghibah dengan penyakit itu.

Menurut hukum syarak, jika seseorang penghibah meninggal dunia dengan penyakit berkenaan selepas hibah dibuat, maka hibah itu samalah seperti pemberian melalui wasiat dan tertakluk kepada hukum wasiat, iaitu:

- i. Hibah itu hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 daripada harta si mati, kecuali waris-waris lain bersetuju dengan kadar yang lebih itu; dan
- ii. Hibah itu hendaklah tidak dibuat kepada ahli waris, kecuali waris-waris lain bersetuju dengannya.

Persetujuan waris-waris hendaklah diperolehi selepas kematian penghibah dan waris-waris yang memberi persetujuan itu mempunyai keahlian *tasarruf*.

Sebaliknya, jika penghibah itu masih hidup selepas hibah harta itu dibuat, maka pemberian itu termasuk dalam hukum hibah dan tertakluk kepada hukum hibah yang memerlukan kepada *ijab*, *qabul* dan penyerahan hak pemunyaan (*al-qabd*) oleh penghibah kepada penerima hibah.

### **2.11.8 Masalah Penamaan (*nomination*)**

Amalan pelantikan penama (*nominee*) lazimnya dilaksanakan di Malaysia yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam, sama ada oleh institusi kewangan Islam, takaful, Lembaga Tabung Haji (LTH), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya. Persoalan yang timbul ialah apakah penama (*nominee*) yang dilantik oleh pencarum atau penyimpan itu berhak sepenuhnya terhadap wang simpanan atau caruman apabila penyimpan meninggal dunia kerana dianggap sebagai penerima hibah, atau menerima

1/3 wasiat kerana dianggap sebagai penerima wasiat, atau adakah wang simpanan itu dianggap sebagai harta pusaka si mati yang perlu diagih-agihkan kepada ahli waris menurut hukum faraid kerana penama dianggap sebagai wasi.

Mengikut hukum syarak dan amalan yang diterima pakai dalam kes penamaan ini ialah penama dianggap sebagai wasi atau pemegang amanah, di mana wang simpanan atau caruman itu hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut hukum faraid kepada waris-waris yang berhak.

Dalam perkara ini, satu ketetapan yang telah dikeluarkan oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-96 yang diadakan pada 20 September 1973 berpandangan seperti berikut:

*“Penama-penama dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan Syarikat Kerjasama adalah sebagai orang-orang yang melaksanakan wasiat si mati atau wasi. Mereka boleh menerima wang si mati dari sumber-sumber tersebut untuk dibahagikan kepada orang-orang yang berhak menurut pembahagian faraid.”*

## 2.12 KESIMPULAN

Undang-undang wasiat Islam adalah bersumberkan ketetapan Al-Quran, As-Sunnah dan Ijmak para sahabat. Hukum wasiat pada asalnya adalah harus dan kemungkinan ia berubah kepada hukum tertentu berdasarkan keadaan-keadaan tertentu di bawah hukum syarak. Terdapat dua perkara yang amat penting untuk menentukan sah atau tidak sesuatu wasiat iaitu yang pertama kadar harta yang diwasiatkan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati setelah ditolak kos pengurusan jenazah, hutang-hutang si mati sama ada hutang dengan Allah S.W.T. atau hutang sesama manusia dan harta sepencarian antara suami isteri. Manakala, perkara kedua penerima wasiat bukan terdiri daripada ahli waris yang berhak menerima harta pusaka. Jika wasiat dibuat melebihi kadar 1/3 harta atau kepada ahli-ahli waris, maka persetujuan daripada semua ahli waris hendaklah terlebih dahulu diperolehi selepas kematian pewasiat. Persetujuan yang diberikan oleh ahli-ahli waris pada masa hidup pewasiat tidak boleh diterima.

## BAB 3



### PENGURUSAN WASIAT ISLAM DI MALAYSIA

*Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:*

*“Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya...”*

*(Surah An-Nisa': Ayat 12)*

#### 3.1 PENGENALAN

Dari segi perundangan, Seksyen 2(1), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No. 4 1999) mentakrifkan wasiat ialah *iqrar* seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan hukum syarak, selepas dia mati. Makna yang hampir sama juga terdapat dalam Seksyen 2(1), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004 (Enakmen No. 5 Tahun 2004) dan Enakmen Wasiat Orang Islam Melaka (Enakmen No. 4 Tahun 2005) iaitu *iqrar* seseorang yang dibuat pada masa hayatnya mengenai hartanya atau manfaat hartanya, untuk disempurnakan bagi maksud khairat atau apa-apa maksud lain yang dibenarkan menurut hukum syarak, selepas dia mati.

Sejarah membuktikan bahawa amalan berwasiat telah lama dipraktikkan di Malaysia. Ini dapat dilihat seawal kes-kes wasiat orang Islam yang telah diputuskan oleh hakim-hakim berbangsa Inggeris semenjak zaman penjajahan dahulu. Terdapat beberapa contoh kes awal yang berkaitan dengan wasiat yang diputuskan

oleh hakim-hakim berbangsa Inggeris, antaranya seperti kes *In the Goods of Abdullah* [1832] 2 Ky. Ecc. 8, *Shaik Abdul Latif Iwn Shaikh Elias Bux* [1915] 1 FMSLR 204, *Saeda Iwn Haji Abdul Rahman* [1918] 1 FMSLR 135 dan *Siti binti Yatim Iwn Mohamed Nor bin Bujal* [1928] 6 FMSLR 135. Kemudian Mahkamah Sivil memainkan peranan dalam isu wasiat ini sehinggalah pindaan Perkara 121(1A), Perlembagaan Persekutuan pada 10 Jun 1988 yang memperuntukkan bidang kuasa eksklusif berkaitan pengurusan wasiat orang Islam kepada Mahkamah Syariah.

Pada hari ini, pengurusan harta wasiat telah diperuntukkan di dalam undang-undang yang dikenali sebagai Akta Wasiat 1959 (Akta No. 346, tahun 1959). Namun, Akta ini tidak dikenakan kepada wasiat orang-orang Islam kerana orang-orang Islam dibenarkan membuat wasiat mengikut hukum syarak, justeru itu sesuatu wasiat hanya akan dianggap sah apabila ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak. Oleh itu, sekiranya berlaku pertikaian mengenai kesahan sesuatu wasiat, maka rujukan hendaklah dibuat kepada Hakim Syarie atau Mahkamah Syariah.

### 3.2 APLIKASI WASIAT DI MALAYSIA

Di Malaysia, apabila seseorang itu mati maka harta yang ditinggalkannya boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- a. **Harta Pusaka Berwasiat (*testate estate*)** iaitu harta yang ditinggalkan oleh si mati yang keseluruhanya mempunyai wasiat. Kategori ini tidak boleh berlaku kepada orang Islam kerana Islam hanya membenarkan wasiat dibuat tidak melebihi kadar 1/3 harta peninggalan. Sekiranya keadaan ini berlaku, maka wasiat hanya sah setakat 1/3 sahaja kecuali waris-waris bersetuju. Wasiat yang dibuat kepada ahli waris adalah tidak sah kecuali waris-waris lain bersetuju mengenai wasiat berkenaan.
- b. **Harta Pusaka Tidak Berwasiat (*intestate estate*)** iaitu harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati tanpa wasiat. Kategori ini boleh berlaku kepada orang Islam dan bukan Islam. Dari segi pelaksanaannya, ia tertakluk kepada sama ada harta pusaka itu harta pusaka besar, harta pusaka kecil atau harta pusaka ringkas.

- c. **Harta Pusaka Sebahagian Berwasiat dan Sebahagian Lagi Tidak Berwasiat (*partly testate and partly intestate*)** iaitu si mati meninggalkan harta pusaka di mana sebahagiannya berwasiat dan sebahagian yang lain tidak berwasiat. Kategori ini boleh berlaku kepada orang Islam dan bukan Islam.

Undang-undang yang terpakai kepada orang Islam dalam masalah wasiat di Malaysia adalah hukum syarak berasaskan peruntukan Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan Akta/Enakmen negeri masing-masing. Akta Wasiat 1959 (Akta 346) tidak terpakai kepada orang Islam kerana ia berasaskan undang-undang Inggeris. Bagaimanapun, dari segi pengurusan harta berwasiat iaitu pengeluaran surat kuasa wasiat (probet) atau surat kuasa tadbir dengan wasiat berkembar adalah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil seperti yang diperuntukkan oleh Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97). Permohonan untuk mendapatkan surat kuasa wasiat (probet) atau surat kuasa tadbir dengan wasiat berkembar boleh dibuat melalui petisyen di Mahkamah Tinggi Sivil berasaskan prosedur yang telah digariskan oleh Aturan 71 dan 72, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Dengan ini, bidang kuasa Mahkamah Syariah hanyalah untuk mengesahkan kesahihan sesuatu wasiat terutamanya apabila berlaku pertikaian dalam kalangan pihak-pihak yang terlibat.

Disebabkan orang Islam hanya boleh mewasiatkan sekadar 1/3 daripada harta pusaka, maka surat kuasa tadbir pusaka juga perlu dipohon untuk mentadbir harta-harta yang tidak dinyatakan dalam wasiatnya jika nilainya melebihi RM2 juta. Jika kurang daripada jumlah itu (harta pusaka kecil), surat kuasa tadbir pusaka boleh terus dipohon di Pejabat Tanah (Unit Pembahagian Pusaka).

Sehingga kini, di Malaysia hanya Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka telah memperuntukkan undang-undang khusus mengenai wasiat orang Islam untuk dilaksanakan di Mahkamah Syariah di negeri-negeri berkenaan. Manakala Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri lain hanya dibekalkan peruntukan am dalam akta/enakmen pentadbiran undang-undang Islam atau enakmen/ordinan Mahkamah Syariah masing-masing. Dengan demikian, orang Islam boleh ke Mahkamah Syariah untuk membuat tuntutan pengesahan wasiat melalui saman berserta dengan penyata tuntutan jika ada pihak-pihak yang mempertikaikan kesahan wasiat yang telah dibuat oleh si mati. Kes boleh difailkan sama ada di Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah mengikut nilai bidang kuasa mahkamah berkenaan.

Pembuktian di Mahkamah Syariah sama seperti perbicaraan kes-kes yang lain sama ada melalui keterangan para saksi atau dokumen dan sebagainya yang boleh memuaskan hati Hakim Syarie untuk menentukan kesahihan sesuatu wasiat. Bagi negeri-negeri yang masih belum mewartakan Enakmen Wasiat Orang Islam (kecuali Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka), perbicaraan mengenai wasiat dijalankan berdasarkan peruntukan hukum syarak sepertimana yang dinyatakan di dalam Akta/Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Negeri-negeri bahawa jika tidak ada apa-apa peruntukan khusus di dalam perundangan ini, maka Mahkamah Syariah hendaklah menggunakan hukum syarak [*Lihat peruntukan Seksyen 245(2), Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004; Seksyen 264(2), Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah (Negeri Perlis) 1991; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2002; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Perak) 2004; Seksyen 273(2), Enakmen Aturcara Mal Islam (Negeri Kedah) 1979; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002; Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001; Seksyen 245(2), Ordinan Tatacara Mal Syariah (Negeri Sarawak) 2001 dan Seksyen 245(2), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004].*

Bagi Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka yang telah mempunyai enakmen khusus mengenai wasiat orang Islam boleh mempercepatkan urusan Mahkamah Syariah negeri masing-masing kerana rujukan terus boleh dibuat kepada enakmen-enakmen berkenaan.

Kesan daripada bidang kuasa dua mahkamah yang berlainan ini, orang Islam perlu berhubung dengan dua mahkamah dalam urusan harta yang diwasiatkan; pertamanya melalui Mahkamah Syariah untuk menentukan kesahan sesuatu wasiat jika timbulnya pertikaian; kedua melalui Mahkamah Tinggi Sivil untuk mendapatkan surat kuasa tadbir bagi urusan pentadbiran harta tersebut jika nilainya melebihi RM2 juta.

Sesuatu wasiat itu dianggap sah apabila ia telah mencukupi segala rukun dan syarat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Namun begitu, dalam konteks di Malaysia, perkara-perkara yang sering menjadi isu dan salah faham masyarakat berkaitan dengan wasiat ialah seperti berikut:

- a. Masalah wasiat melebihi kadar  $1/3$  daripada harta pewasiat;
- b. Masalah penangguhan dalam penyerahan harta wasiat dengan meletakkan syarat yang tidak menepati hukum syarak;
- c. Masalah wasiat kepada waris;
- d. Masalah pemberian pada masa *marad al-maut*, dan
- e. Masalah penamaan.

Isu-isu yang dinyatakan di atas merupakan perkara yang sering kali menjadi pertikaian di Mahkamah Syariah.

Kesimpulannya, apabila timbul pertikaian mengenai sesuatu wasiat, maka pengesahannya dirujuk ke Mahkamah Syariah.

Mahkamah perlu mentafsir dan menghuraikan kandungan wasiat tersebut untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Justeru itu, undang-undang yang khusus mengenai wasiat orang Islam sangat diperlukan bagi membantu Mahkamah menyelesaikan pertikaian yang berkaitan dengan permasalahan wasiat.

Kini terdapat beberapa agensi yang terlibat dalam urusan wasiat seperti AmanahRaya Berhad, Syarikat Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd., As-Salihin Trustee Bhd. dan CIMB Trustee Bhd. selain daripada Majlis Agama Islam Selangor yang aktif dalam pengurusan wasiat. Kemunculan agensi-agensi ini secara positifnya dapat membantu umat Islam dalam urusan yang berkaitan dengan penulisan wasiat. Dengan adanya wasiat yang bertulis maka segala urusan berkaitan dengan pembahagian harta pusaka menjadi lebih mudah. Bagaimanapun, pemantauan dan pengawasan kepada agensi-agensi berkenaan secara berpusat perlu dilakukan bagi memastikan bahawa wasiat yang dibuat oleh pewasiat itu benar-benar menepati kehendak syarak, walaupun setiap agensi berkenaan telah pun ada Panel Penasihat Syariah masing-masing.

### 3.3 PERUNTUKAN PERUNDANGAN

#### 3.3.1 Perlembagaan Persekutuan

Pembahagian kuasa legislatif antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dilakukan berdasarkan kepada Perkara 74, berserta Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 74(1), Perlembagaan Persekutuan menyatakan tentang kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan di bawah Senarai Persekutuan (Senarai I) dan Senarai Bersama (Senarai III) dalam Jadual Kesembilan. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

*“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Parlimen untuk membuat undang-undang oleh mana-mana perkara lain, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama (iaitu, Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan)”.*

Sementara itu, Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan menyatakan tentang bidang kuasa Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di bawah Senarai Negeri (Senarai II) dan Senarai Bersama (Senarai III) dalam Jadual Kesembilan. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

*“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama”.*

Jika diperhatikan kepada pembahagian kuasa perundangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebagaimana yang dinyatakan secara jelas dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, didapati bahawa Parlimen mempunyai kuasa yang terhad kepada perkara-perkara yang tercatat dalam Senarai Persekutuan (Senarai I) dan Senarai Bersama (Senarai III) sahaja. Oleh itu, Parlimen tiada kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan perkara yang disenaraikan di bawah Senarai Negeri (Senarai II). Namun demikian, Parlimen sebagaimana

yang diperuntukkan dalam Perkara 76(1), Perlembagaan Persekutuan boleh membuat undang-undang tentang perkara yang tercatat di bawah Senarai Negeri (Senarai II) bagi mencapai tiga tujuan seperti berikut:

- (a) bagi maksud melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain, atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan; atau
- (b) bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua Negeri atau lebih; atau
- (c) jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana Negeri.

Bagaimanapun, menurut peruntukan Perkara 76(2), Perlembagaan Persekutuan, Parlimen tidak boleh membuat undang-undang di bawah para (a) apabila ia menyentuh mengenai hukum syarak atau adat istiadat orang Melayu atau bumiputera kecuali dirundingkan terlebih dahulu dengan mana-mana Kerajaan Negeri. Manakala, Perkara 76(3), Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah para (b) atau (c) hendaklah diterima oleh Dewan Perundangan Negeri sebagai undang-undang yang dibuat olehnya. Apabila ia diterima, undang-undang itu disifatkan sebagai suatu undang-undang negeri dan boleh dipinda atau dimansuhkan oleh Dewan Perundangan Negeri.

Berdasarkan kepada pembahagian kuasa perundangan antara Persekutuan dan Negeri sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, didapati bahawa badan perundangan negeri mempunyai bidang kuasa untuk membuat undang-undang yang menyentuh mengenai undang-undang Islam termasuk wasiat bagi orang-orang Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri-negeri. Hal ini dapat dilihat melalui peruntukan Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

*“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan pewarisan, **berwasiat dan tidak berwasiat**, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin,*

*nafkah, pengangkatan, kesahtaraan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin syarak dan adat Melayu”.*

Walaupun undang-undang diri orang Islam mengenai pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat diletakkan dalam Senarai Negeri, namun perkara berkaitan dengan pengurusan pusaka atau pewarisan harta berwasiat dan tak berwasiat termasuk dalam Senarai 1(4)(e) iaitu Senarai Persekutuan. Peruntukan Senarai 1(4)(e) menyatakan bahawa:

*“Undang-undang dan acara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan termasuk a)... b)... c)... d)... e) Tertakluk kepada perenggan (ii), perkara-perkara yang berikut: i)... perkahwinan, perceraian dan taraf anak, harta dan taraf perempuan bersuami, pentafsiran undang-undang Persekutuan, surat cara boleh niaga, akuan berkanun, timbangtara, undang-undang persaudagaran, pendaftaran perniagaan dan nama-nama perniagaan, umur dewasa, remaja, pengambilan anak angkat, **pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan surat mentadbir pusaka**, kebankrapan dan tidak berkemampuan, sumpah dan ikrar, batasan, berbalas-balas menguatkuasakan hukuman dan perintah, undang-undang keterangan.*

- (ii) Perkara-perkara yang tersebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri orang Islam berhubung dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, **pemberian atau pewarisan berwasiat dan tidak berwasiat**".

Berdasarkan kepada kedua-dua senarai di atas iaitu Senarai 2(1) dan Senarai 1(4)(e), dapat disimpulkan bahawa undang-undang wasiat orang Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri manakala pentadbiran keadilan termasuk pengurusan harta pusaka berwasiat atau tidak berwasiat bagi orang Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itu, Parlimen telah meluluskan dua jenis undang-undang bagi mentadbir pusaka orang Islam dan bukan Islam sama ada berwasiat atau tidak berwasiat iaitu Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil Tahun 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak, perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, undang-undang keluarga, **pemberian atau mewarisi harta berwasiat atau tak berwasiat** adalah terletak di bawah Senarai Bersama (Senarai III), di mana Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri sama-sama mempunyai kuasa tentang perkara-perkara tersebut.

### **3.3.2 Akta/Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri**

Berpandukan kepada peruntukan Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, semua badan perundangan negeri dan Parlimen bagi Wilayah-wilayah Persekutuan telah menggubal Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri masing-masing yang antara lain memperuntukkan perkara berkaitan dengan wasiat orang Islam. Sebagai contoh, Seksyen 46(2)(b) (v) dan (viii) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memperuntukkan:

*"Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:*

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan:*

- (v) wasiat atau alang semasa marad al-maut seseorang si mati Islam;
- (vi) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;

Bagi Negeri Sabah, terdapat sedikit perbezaan peruntukan mengenai bidang kuasa mal Mahkamah Syariah berbanding dengan negeri-negeri lain, di mana Mahkamah Tinggi Syariah juga berbidang kuasa menentukan pelantikan wasi dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini dapat diperhatikan melalui peruntukan Seksyen 11(3)(b)(viii), Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004 seperti berikut:

*Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:*

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan:*

- (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat atau Pelantikan Wasi dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya;

Peruntukan berkaitan dengan wasiat orang Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri adalah bersifat umum kecuali bagi Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka yang telah menggubal Enakmen Wasiat Orang Islam masing-masing. Oleh itu, sebarang rujukan mengenai pertikaian berkaitan dengan wasiat yang dibuat oleh orang Islam boleh dibuat dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah negeri masing-masing berdasarkan kepada hukum syarak. Manakala bagi Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka yang telah mengkanunkan enakmen wasiat masing-masing maka rujukan terus boleh dibuat kepada enakmen berkenaan.

### **3.3.3 Enakmen-Enakmen Wasiat (Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka)**

Setakat ini, hanya tiga buah negeri sahaja iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka telah menguatkuasakan statut wasiat orang Islam yang khusus iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No. 4 Tahun 1999) mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2004, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No. 5 Tahun 2004) mula berkuat kuasa pada 5 November 2004

dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (No. 4 Tahun 2005) mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2005. Manakala negeri-negeri lain masih belum mengadakannya dan rujukan boleh dibuat kepada statut-statut Pentadbiran Agama Islam masing-masing.

Ketiga-tiga enakmen tersebut telah memperuntukkan beberapa perkara berkaitan dengan wasiat orang Islam, antaranya ialah pelaksanaan wasiat, pembatalan wasiat, penarikan balik wasiat, penerimaan dan penolakan wasiat, peruntukan yang berhubung dengan beneficiari dan wasiat *wajibah*. Pemakaian enakmen-enakmen tersebut digunakan apabila berlaku pertikaian ke atas wasiat yang dibuat oleh si mati daripada satu pihak dengan membuat tuntutan di Mahkamah Syariah. Tuntutan yang difaikkan mengikut nilai bidang kuasa mahkamah sama ada Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah yang mengandungi saman berserta pernyataan tuntutan bagi pihak yang menuntut pengesahan wasiat untuk diputuskan oleh Hakim Syarie. Pengesahan wasiat boleh dibuktikan sama ada melalui keterangan ikrar, saksi, dokumen, sumpah syarie dan sebagainya yang boleh memuaskan hati hakim untuk menentukan kesahihan sesuatu wasiat.

Sebagai contoh, perkara-perkara yang terdapat dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 seperti dalam **Lampiran A**.

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam ketiga-tiga enakmen berkenaan, maka dapat dirumuskan bahawa undang-undang dan pengurusan wasiat orang Islam adalah seperti berikut:

- (i) Wasiat boleh dibuat sama ada dengan lisan atau tulisan atau isyarat yang boleh difahami dan hendaklah disaksikan dua orang saksi yang boleh diterima menurut hukum syarak. Bagaimanapun, wasiat secara bertulis adalah lebih baik kerana ia boleh memudahkan proses pembuktian di Mahkamah Syariah;
- (ii) Sesuatu wasiat yang dikaitkan atau yang disertai dengan syarat adalah sah apabila syarat itu sahih menepati maslahat pewasiat (pemberi wasiat) atau penerima wasiat atau beneficiari atau orang lain yang tidak ditegah atau bertentangan dengan syarak;

- (iii) Pewasiat hendaklah telah mencapai umur 18 tahun, sempurna akal, bertindak dengan sukarela dan tidak dipaksa serta tidak dilarang daripada menguruskan hartanya. Jika pewasiat dalam keadaan sakit, dia hendaklah waras fikirannya, baik ingatan dan mampu memahami kandungan wasiat yang dibuat;
- (iv) Penerima atau benefisiari wasiat mestilah diketahui, berkelayakan untuk memiliki harta yang diwasiatkan dan jika ditentukan, dia hendaklah berada atau hadir ketika wasiat dibuat dan jika tidak ditentukan, benefisiari tidak disyaratkan berada atau hadir sama ada ketika wasiat itu dibuat atau ketika pewasiat itu mati;
- (v) Sesuatu wasiat juga boleh dibuat kepada tempat-tempat ibadat, yayasan kebajikan, institusi akademik atau kepada mana-mana pihak yang boleh mendatangkan kebajikan umum atau jika tidak dinyatakan tujuan penggunaannya cukuplah sekiranya didapati dapat menyebarkan maksud kebajikan umum;
- (vi) Penerima atau benefisiari wasiat bukanlah penyebab kepada kematian pewasiat sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada dia bertindak sebagai prinsipal, rakan jenayah atau pensubahat atau seorang saksi palsu yang keterangannya mengakibatkan pewasiat menerima hukuman mati;
- (vii) Wasiat juga boleh dibuat kepada anak dalam kandungan dengan syarat dia telah wujud dalam kandungan ibunya semasa wasiat dibuat dan mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut hukum syarak;
- (viii) Harta yang diwasiatkan hendaklah sesuatu yang boleh dijadikan pusaka atau boleh menjadi perkara akad semasa hidup pewasiat, sesuatu yang bernilai, sesuatu yang boleh dipindahkan selepas kematian pewasiat dan sesuatu yang wujud dan dalam milik pewasiat, jika ditentukan dan, hendaklah wujud semasa kematian pewasiat, jika tidak ditentukan;
- (ix) Pewasiat boleh menarik balik wasiatnya sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan tindakan beliau yang pada mana-mana keadaan

membuktikan dia menarik balik wasiatnya atau dengan melupuskan hartanya dengan habis sama sekali, juga boleh dianggap menarik balik wasiat apabila dibuat satu wasiat baru. Namun perbuatan mengubahsuai bentuk harta yang diwasiatkan, penambahan yang tidak bermaksud tarik balik wasiat atau pengakuan orang selain pewasiat menafikan wasiat tersebut adalah tidak mengganggu gugat pelaksanaan sesuatu wasiat;

- (x) Kadar harta yang diwasiatkan tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka pewasiat dan dibuat bukan kepada ahli waris. Jika melebihi kadar 1/3 atau dibuat kepada ahli waris, maka persetujuan waris-waris lain diperlukan;
- (xi) Penerimaan dan penolakan sesuatu wasiat hendaklah dibuat selepas kematian pewasiat. Jika penerima wasiat meninggal dunia sebelum sempat menyatakan sama ada menerima atau menolak wasiat yang dibuat kepadanya, maka waris-warisnya boleh menyatakan sama ada menerima atau menolak wasiat berkenaan;
- (xii) Penerimaan dan penolakan sesuatu wasiat bolehlah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari selepas seseorang benefisiari mengetahui tentang kematian pewasiat dan wujudnya wasiat tersebut, dengan syarat benefisiari tersebut tidak mempunyai apa-apa keuzuran yang munasabah yang menyebabkan kelewatan penerimaan dan penolakannya terhadap wasiat berkenaan; dan
- (xiii) Wasiat *wajibah* diberikan kepada cucu daripada anak lelaki yang kematian bapa sebelum kematian datuk atau neneknya atau mereka mati serentak tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan.

Di samping Enakmen Wasiat Orang Islam, Negeri Selangor juga telah mengambil langkah ke hadapan dengan menggubal Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam 2008 (Sel. P.U.8) [Kaedah-kaedah ini dibuat berdasarkan peruntukan Seksyen 29, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 yang mula berkuat kuasa pada 19 Jun 2008]. Antara lain, kaedah-kaedah ini memperuntukkan mengenai prosedur wasiat yang merangkumi permohonan, penulisan, penyimpanan, pembatalan, pelaksanaan dan sebagainya. Dengan adanya enakmen dan kaedah tersebut, maka pengurusan wasiat orang Islam di Negeri Selangor menjadi lebih lancar.

## 3.4 PERANAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN

### 3.4.1 Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN)

MAIN adalah berperanan untuk merangka dan mewujudkan Enakmen Wasiat serta mengadakan peraturan-peraturan mengenai wasiat di negeri masing-masing.

Undang-undang ini akan menjadi panduan dan rujukan oleh mana-mana individu yang bermastautin di negeri tersebut yang berhajat hendak membuat wasiat terhadap harta-hartanya atau memberikan faedah atau manfaat harta-hartanya kepada waris-warisnya, kaum kerabatnya atau mewasiatkan hartanya untuk manfaat orang-orang Islam serta badan-badan kebajikan.

Pada masa ini, hanya tiga negeri sahaja yang mempunyai Enakmen Wasiat iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005. Bagi Negeri-Negeri yang tidak ada atau belum ada Undang-Undang Wasiat, orang Islam masih boleh membuat wasiat mengikut hukum syarak.

Apabila orang Islam yang berwasiat meninggal dunia, maka penerima wasiat tersebut, waris-warisnya atau pihak yang berkepentingan masih perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan surat kuasa mentadbir dan perintah pembahagian pusaka daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan.

### 3.4.2 Amanah Raya Berhad (ARB)

Sekiranya harta-harta si mati tersebut terdiri dari harta-harta alih sahaja yang nilainya tidak lebih dari RM600,000.00, permohonan hendaklah dikemukakan di mana-mana pejabat ARB dan kebiasaannya di tempat yang berdekatan dengan alamat pemohon. Surat wasiat hendaklah disertakan dalam permohonan ini.

Permohonan ini adalah mengikut peruntukan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta No. 532 Tahun 1995). Sekiranya harta-harta tersebut tidak melebihi RM50,000.00 maka perintah pembahagian yang dikeluarkan adalah "Arahan AmanahRaya Berhad" iaitu membahagi terus harta tersebut kepada waris-warisnya dan termasuk penerima wasiat.

Sekiranya harta-harta tersebut lebih dari RM50,000.00 hingga RM600,000.00 maka perintah pembahagian yang dikeluarkan adalah “Akuan AmanahRaya Berhad” iaitu ARB tersebut akan dilantik “Sebagai Pentadbir” di atas semua harta-harta si mati. Tugas pentadbir adalah untuk menyelesaikan semua hutang-hutang si mati sekiranya ada, membahagi kepada penerima melalui wasiat dan bakinya akan dibahagi kepada waris-waris mengikut faraid atau muafakat sekiranya semua waris-waris bersetuju dibahagi mengikut cara demikian.

Sekiranya ARB telah dilantik oleh si mati sebagai wasi, maka keseluruhan harta-harta si mati akan diuruskan olehnya. ARB akan mengeluarkan perintah pembahagian sekiranya harta-harta si mati di bawah bidang kuasanya atau ARB akan mengemukakan permohonan ke Pejabat Tanah atau Pejabat Pembahagian Pusaka atau ke Mahkamah Tinggi sekiranya harta-harta si mati di bawah bidang kuasa pihak-pihak tersebut.

### **3.4.3 Pejabat Tanah/Unit Pembahagian Pusaka JKPTG Persekutuan (UPPJKPTGP)**

Sekiranya harta-harta si mati tersebut terdiri dari harta-harta tak alih sahaja, atau harta-harta tak alih bersama-sama harta alih dan nilainya tidak lebih dari RM2,000,000.00 maka permohonan hendaklah dikemukakan di mana-mana Pejabat Tanah dalam daerah di mana harta tak alih si mati terletak. Sekiranya harta tak alih si mati bertaburan dalam beberapa daerah maka permohonan boleh dikemukakan di salah satu Pejabat Tanah yang ada harta tak alih si mati dan berdekatan dengan tempat tinggal pemohon. Surat wasiat hendaklah disertakan dalam permohonan ini. Permohonan ini adalah mengikut peruntukan di bawah Seksyen 8, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Disemak 1972) (Akta No. 98 Tahun 1955).

Surat wasiat tersebut akan dibacakan di hadapan semua waris-waris dan pihak-pihak yang hadir dalam perbicaraan. Sekiranya wasiat tersebut tidak dipertikaikan oleh semua pihak maka Pentadbir Tanah atau Pegawai Pembahagian Pusaka bolehlah mengeluarkan perintah pembahagian sama ada membahagi terus atau melantik Pentadbir atau sebahagian dibahagi terus dan sebahagian dilantik Pentadbir dengan mengambil kira bahagian benefisiari atau pihak yang mendapat faedah dalam surat wasiat tersebut dan bakinya bolehlah dibahagi kepada waris-waris mengikut cara yang diminta dan dipersetujui oleh semua waris-waris si mati.

Bagi harta-harta tak alih yang mana Pentadbir Tanah hanya membuat keputusan melantik pemohon atau waris sebagai "Pentadbir" sahaja maka pihak berkenaan dikehendaki membuat permohonan ulang bicara di bawah Seksyen 17, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 setelah syarat-syarat dalam pelantikan "Sebagai Pentadbir" disempurnakan untuk mendapatkan perintah pembahagian atau perintah-perintah lain yang dianggap wajar dan tuntutan pihak penerima wasiat juga telah diambil kira sekiranya tidak dipertikaikan semasa mengeluarkan perintah ini.

### **3.4.4 Mahkamah Tinggi Sivil**

Mahkamah Tinggi Sivil mempunyai bidang kuasa untuk melantik Pentadbir dan mengeluarkan "Perintah Pembahagian" harta pusaka orang-orang Islam sekiranya harta yang ditinggalkan adalah seperti berikut:

- i. Harta-harta alih sahaja apabila nilainya lebih dari RM600,000.00.
- ii. Harta-harta tak alih sahaja apabila nilainya lebih dari RM2,000,000.00.
- iii. Harta-harta tak alih dan harta alih apabila jumlah keseluruhannya bernilai lebih RM2,000,000.00.

Permohonan ini dibuat di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Disemak 1972) atau Akta No. 97 Tahun 1959 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Surat wasiat dan sijil faraid hendaklah disertakan dalam permohonan ini.

Penyelesaian melalui Mahkamah Tinggi Sivil adalah melalui dua peringkat. Peringkat pertama adalah permohonan untuk mendapatkan surat kuasa mentadbir harta-harta si mati. Pendaftar Mahkamah akan mengeluarkan perintah melantik seorang atau tidak lebih dari empat orang sebagai Pentadbir atau Pentadbir-Pentadbir harta-harta si mati.

Mereka yang dilantik sebagai pentadbir adalah diberi kuasa untuk mengeluarkan semua wang simpanan atau caruman si mati, menuntut harta dari orang yang berhutang dengan si mati, membayar segala tanggungan harta-harta si mati, membayar hutang-hutang si mati dan selanjutnya membahagi harta-harta yang tinggal mengikut sebagaimana dalam surat wasiat si mati, dengan syarat wasiat itu tidak dipertikaikan dan bakinya dibahagi

kepada waris-waris mengikut faraid atau muafakat yang telah dipersetujui oleh semua waris-waris si mati. Bagi harta-harta tak alih nama pentadbir hendaklah didaftarkan dalam hak milik harta-harta itu.

Peringkat kedua adalah untuk mendapatkan perintah pembahagian dan perintah-perintah lain bagi harta-harta tak alih si mati dan harta-harta alih yang belum selesai. Permohonan ini dibuat melalui saman pemula (*originating summon*) di mana Pentadbir yang dilantik bertindak sebagai pemohon (plaintif) sedangkan waris-waris si mati, penerima wasiat dan pihak-pihak lain yang ada kepentingan bertindak sebagai defendant.

Selanjutnya, permohonan ini akan dibicarakan dan sekiranya tidak ada pertikaian Hakim Mahkamah Tinggi akan mengeluarkan perintah supaya “Pentadbir” membahagi dan membuat pindah milik harta-harta tersebut kepada penerima wasiat, waris-waris si mati dan mereka yang berhak.

### **3.4.5 Pendaftar Hakmilik Pejabat Tanah/Pejabat Tanah dan Galian Negeri-negeri dan Agensi-agensi Penyimpan Rekod Pemilikan Harta-harta Si Mati**

Sekiranya maklumat mengenai harta-harta tak alih tidak lengkap atau terdapat fakta pemilikan yang meragukan maka pihak pemohon atau tiga Pihak Berkuasa (ARB, UPPJKPTGP, Mahkamah Tinggi) boleh mendapatkan maklumat lengkap bagi harta berkenaan dengan menghubungi Pendaftar Hakmilik bagi harta-harta tak alih sama ada dalam bentuk “Salinan Hakmilik yang diakui sah” oleh Pendaftar Hakmilik/ Pentadbir Tanah atau “Sijil Carian Rasmi”.

Sekiranya maklumat pemilikan harta-harta alih tidak lengkap, maka butirannya boleh diperolehi dari agensi-agensi yang menyimpan rekod pemilikan harta-harta tersebut, contohnya maklumat mengenai kenderaan diperolehi daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

### **3.4.6 Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta**

Pejabat ini akan dihubungi oleh “Tiga Pihak Berkuasa” berkaitan pembahagian pusaka (ARB, UPPJKPTGP, Mahkamah Tinggi) atau pihak pemohon bagi mendapatkan khidmat nasihat dan laporan penilaian harta-harta tak alih si mati (tanah dan bangunan), laporan yang diminta biasanya adalah nilai pada tarikh mati dan nilai pada tarikh mohon. Nilai harta-harta alih kebiasaannya diberikan oleh

pihak pemohon atau menghubungi agensi-agensi yang berkaitan dengan harta-harta alih tersebut.

Jumlah nilai harta-harta si mati pada tarikh permohonan diperlukan bagi menentukan bidang kuasa pihak berkuasa mana yang akan menyelesaikan harta-harta si mati sama ada ARB, UPPJKPTG Persekutuan atau Mahkamah Tinggi. Pada peringkat ini akan berlaku pemindahan fail di kalangan ketiga-tiga pihak berkuasa ini supaya permohonan itu dikemukakan kepada pihak yang ada kuasa.

Jumlah nilai harta-harta si mati juga diperlukan sekiranya si mati ada meninggalkan wasiat kepada kalangan bukan waris yang mana wasiat itu hanya diluluskan setakat satu pertiga sahaja dari keseluruhan harta-harta si mati.

### **3.4.7 Pendaftar Pusat Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur**

Pendaftar Pusat Mahkamah Tinggi Malaya, Bahagian Pendaftaran Surat Kuasa Mati, Kompleks Mahkamah Tinggi Jalan Duta, Kuala Lumpur adalah tempat menyimpan rekod fail-fail permohonan mendapatkan surat kuasa “Pentadbiran dan Perintah Pembahagian” di atas harta-harta pusaka sama ada si mati orang Islam dan bukan Islam bagi Semenanjung Malaysia. Selain dari itu, ia juga menyimpan rekod mengenai hutang-hutang si mati.

Oleh itu ARB, UPPJKPTGP atau Mahkamah Tinggi yang menerima permohonan pembahagian pusaka akan menghantar notis pemberitahuan dalam Borang B kepada pihak ini bagi membuat semakan atau mendapatkan maklumat sekiranya telah ada permohonan-permohonan terdahulu telah dibuat di mana-mana tempat sebelum permohonan ini.

Sekiranya Pendaftar Pusat ini memaklumkan telah ada permohonan terdahulu dengan menggunakan Borang C maka pihak yang menerima maklumat ini akan menghubungi pihak atau pihak-pihak berkenaan dan pertukaran maklumat akan berlaku dan pada akhirnya nanti hanya satu fail sahaja yang akan digunakan untuk menyelesaikan harta pusaka si mati. Pihak-pihak yang ada hutang si mati juga akan dipanggil untuk mengemukakan tuntutan hutang-hutang mereka.

### 3.4.8 Mahkamah Syariah Negeri-negeri

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) Tahun 1993 (Akta 505, Tahun 1993) dan Enakmen-enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri ada memberi peruntukan mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah berkaitan pembahagian harta pusaka si mati yang beragama Islam.

Seksyen 50, Akta 505 memberi peruntukan iaitu Mahkamah atau Pihak berkuasa yang mengendalikan permohonan pembahagian harta pusaka si mati orang Islam atau waris-waris si mati atau wakilnya boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah untuk menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu berhak. Maksudnya, setelah ada permohonan maka menjadi kewajipan Mahkamah Syariah tersebut untuk mengeluarkan sijil faraid untuk menjelaskan siapakah dalam kalangan waris-waris yang berhak dan berapakah bahagian waris-waris tersebut.

Seksyen 46(2)(b)(iv hingga ix) Akta 505 itu pula memberi peruntukan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan:

- (i) Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
- (ii) Wasiat atau pemberian semasa *marad-al-maut* seseorang si mati Islam;
- (iii) Pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam;
- (iv) Wakaf atau nazar;
- (v) Pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat; dan
- (vi) Penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak.

Bagi tujuan melantik pentadbir dan mengeluarkan perintah pembahagian harta pusaka orang-orang Islam ia adalah termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, Senarai I (Senarai Persekutuan), Perkara 4(e)(i), iaitu **perkara mengenai probet dan surat mentadbir pusaka** adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Sekiranya ada peranggahan peruntukan bidang kuasa di antara Undang-Undang Perlembagaan dengan Undang-Undang Negeri,<sup>1</sup> maka Perkara 4(1) menyatakan “Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.”

Berdasarkan kepada peruntukan inilah maka Kerajaan Persekutuan mewujudkan tiga pihak berkuasa iaitu ARB, UPPJKPTGP dan Mahkamah Tinggi dan masing-masing dibekalkan dengan Akta serta dibuat peraturan-peraturan di bawahnya bagi melaksanakan tugas pengurusan dan pembahagian harta pusaka sama ada orang Islam dan bukan Islam.

Mahkamah Syariah berbidang kuasa mengenai perkara di atas berdasarkan kepada peruntukan yang menyatakan “Mahkamah Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam yang berhubungan dengan wasiat atau pemberian semasa *marad-al-maut*, pembahagian dan perwarisan harta berwasiat dan tak berwasiat dalam Enakmen Undang-Undang Islam Negeri masing-masing yang dibuat melalui kuasa yang diberikan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri) yang menyatakan **hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat** adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.”

Sekiranya terdapat pertikaian mengenai wasiat si mati semasa tiga pihak berkuasa (ARB, UPPJKPTG Persekutuan, Mahkamah Tinggi) hendak mengeluarkan perintah melantik Pentadbir dan/ atau Perintah Pembahagian, maka perkara ini akan dirujuk kepada Mahkamah Tinggi Syariah bagi mendapat keputusan tentang kesahihan wasiat tersebut.

Ada juga setengah kes, pihak-pihak penerima wasiat akan membuat rujukan ke Mahkamah Syariah terlebih dahulu bagi menentukan kesahihan wasiat tersebut dan selepas mendapat keputusan atau pengesahan barulah membuat permohonan untuk mentadbir dan mendapatkan perintah pembahagian kepada tiga pihak berkuasa di atas.

Keputusan Mahkamah Syariah biasanya dalam berbagai bentuk, tetapi pada asasnya ada tiga prinsip yang diambil kira, iaitu:

- i. Sekiranya wasiat itu menyatakan cara bagaimana harta-hartanya hendak dibahagi kepada waris-warisnya, maka cara pembahagian itu boleh dilaksanakan sekiranya semua waris-waris bersetuju dengan pembahagian itu. Mahkamah tersebut akan mengeluarkan perintah sedemikian. Prinsipnya wasiat kepada waris-waris hanya boleh dilaksanakan sekiranya semua waris-waris bersetuju dengan wasiat itu.
- ii. Sekiranya wasiat itu menyatakan harta-harta si mati hendak dibahagi kepada bukan waris seperti anak angkat atau kerabat yang dekat tetapi tidak mewarisi mengikut faraid, maka Mahkamah akan memutuskan pihak yang menerima wasiat mendapat bahagian tidak lebih dari 1/3 daripada harta si mati. Prinsipnya wasiat kepada bukan waris hanya boleh dilaksanakan setakat 1/3 daripada harta si mati.
- iii. Mahkamah Syariah akan memutuskan wasiat tersebut tidak sah atau tidak sah dan harta-harta si mati dibahagi kepada waris-waris mengikut faraid atau mengikut muafakat setelah mendapat persetujuan dari semua waris-waris.

Keputusan Mahkamah Syariah tersebut akan dikemukakan kepada pihak berkuasa yang membuat rujukan tadi atau dikemukakan kepada yang membuat tuntutan dan seterusnya akan menjadi panduan kepada pihak berkuasa tersebut semasa mengeluarkan "Surat Kuasa Tadbir" dan/atau membuat "Perintah Pembahagian".

Seksyen 421(A), Kanun Tanah Negara 1965 (Pindaan tahun 1992) menyatakan bahawa "Mahkamah" bagi maksud Seksyen 417 dan 420 adalah termasuk Mahkamah Syariah. Oleh itu, sebarang perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah mengenai perkara-perkara di bawah kuasanya hendaklah diiktiraf oleh pihak-pihak yang berkaitan.

### 3.5 PROSEDUR PENGURUSAN WASIAT DI MAIN

Ibadah wasiat yang berasaskan pada konsep *ta'awun dan mahabbah* memerlukan satu cara pengurusan harta yang sistematik seawal permohonan dibuat sehingga pelaksanaan wasiat diuruskan selepas kematian pewasiat iaitu selepas disempurnakan jenazah sehingga selamat dikebumikan, dibayar hutang-hutangnya seperti zakat, kifarat, nazar, fidyah, haji fardu (sekiranya pewasiat belum menunaikan haji semasa kematiannya) dan sebagainya dan hutang-hutang pewasiat dengan pemutang atau hutang penghutang dengan pewasiat atau setelah dibahagikan harta sepencarian (sekiranya ada permohonan harta sepencarian antara suami dan isteri si mati).

Prosedur pengurusan wasiat di MAIN adalah seperti berikut:

#### 3.5.1 Penyempurnaan Dokumentasi Wasiat

- a. Permohonan wasiat;
- b. Penyimpanan wasiat;
- c. Pindaan atau pembatalan wasiat; dan
- d. Pengemaskinian status pewasiat.

##### 3.5.1.1 Permohonan Wasiat

Sesuatu permohonan wasiat boleh dibuat oleh mana-mana orang Islam dengan mengisi borang permohonan wasiat (Borang A). **Sila rujuk Lampiran 2.**

Permohonan wasiat hendaklah dikemukakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- (i) Sesalinan dokumen pengenalan diri pewasiat yang telah disahkan;
- (ii) Sesalinan dokumen pengenalan diri waris-waris terdekat yang telah disahkan;
- (iii) Sesalinan dokumen pengenalan diri saksi-saksi yang telah disahkan;
- (iv) Sesalinan dokumen harta alih dan tak alih pewasiat yang telah disahkan; dan
- (v) Sesalinan dokumen hutang pewasiat yang telah disahkan.

Borang permohonan wasiat yang telah lengkap diisi kemudiannya akan disemak secara teliti oleh pegawai MAIN dengan melihat lampiran-lampiran dokumen yang disertakan dan arahan pewasiat.

Satu kadar *fi* yang telah ditentukan oleh pihak MAIN sebagai bayaran pendaftaran wasiat akan dibuat oleh pewasiat.

Satu draf Dokumen Wasiat Bertulis akan disediakan dan disemak oleh pewasiat sebelum didokumen dan dimuktamadkan menjadi Dokumen Wasiat Bertulis.

Setelah pindaan dibuat ke atas draf Dokumen Wasiat Bertulis (sekiranya ada) ataupun setelah pewasiat berpuas hati dengan kandungan Dokumen Wasiat Bertulis, pewasiat pada masa yang akan ditetapkan hendaklah membawa saksi-saksi bersama-sama menandatangani Dokumen Wasiat Bertulis tersebut.

Dokumen Wasiat Bertulis yang telah ditandatangani oleh pewasiat dan saksi-saksi hendaklah kemudiannya disahkan oleh pihak MAIN dan dimeterai.

### **3.5.1.2 Penyimpanan Wasiat**

Dokumen Wasiat Bertulis yang disediakan hendaklah dibuat dalam dua salinan. Satu salinan diberikan kepada pewasiat manakala satu salinan lagi hendaklah disimpan oleh pegawai MAIN. Penyimpanan Dokumen Wasiat Bertulis hendaklah dilakukan di tempat yang selamat dan tidak dapat diakses melainkan oleh pegawai yang diberi kuasa mentadbir wasiat. Tempoh penyimpanan Dokumen Wasiat Bertulis akan tamat sebaik sahaja pembacaan wasiat dibuat oleh pegawai MAIN di hadapan benefisiari atau waris-waris.

### **3.5.1.3 Pindaan atau Pembatalan Wasiat**

#### **i. Pindaan Wasiat**

Sesuatu pindaan ke atas Dokumen Wasiat Bertulis boleh dilakukan dengan mengemukakan permohonan wasiat yang baru. Dokumen Wasiat Bertulis baru yang telah dimuktamadkan akan membatalkan Dokumen Wasiat Bertulis yang terdahulu.

#### **ii. Pembatalan Wasiat**

Sesuatu pembatalan ke atas Dokumen Wasiat Bertulis hendaklah dilakukan dengan mengemukakan surat permohonan pembatalan wasiat. Satu surat perakuan pembatalan wasiat akan di keluarkan bagi memperakui pembatalan wasiat tersebut. Pewasiat boleh mengemukakan permohonan baru sekiranya ingin membuat wasiat pada masa akan datang.

### **3.5.1.4 Pengemaskinian Status Pewasiat**

Maklumat pewasiat sama ada secara bertulis atau lisan hendaklah diperolehi oleh pegawai MAIN pada setiap 3 hingga 6 bulan sekali bagi memastikan pewasiat masih hidup atau telah meninggal dunia. Pewasiat atau waris pewasiat juga boleh dari semasa ke semasa menghubungi pihak MAIN bagi menyatakan status terkini pewasiat.

### **3.5.2 Pelaksanaan Wasiat**

- a. Penerimaan maklumat kematian pewasiat;
- b. Pembacaan wasiat;
- c. Siasatan;
- d. Penilaian harta;
- e. Pengesahan wasiat (jika perlu); dan
- f. Pelaksanaan wasiat.

#### **3.5.2.1 Penerimaan Maklumat Kematian Pewasiat**

Penerimaan maklumat kematian pewasiat boleh diperolehi melalui aduan daripada waris atau saksi atau mana-mana pihak dengan cara-cara berikut:

- i. Sijil Kematian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara; atau
- ii. Permit Penguburan atau Pengebumian; atau
- iii. Sijil Anggapan Kematian melalui Perintah Mahkamah.

#### **3.5.2.2 Pembacaan Wasiat**

Satu surat pemberitahuan kepada benefisiari, waris-waris dan saksi-saksi akan dikeluarkan oleh MAIN bagi tujuan pembacaan Dokumen Wasiat Bertulis.

Pembacaan akan dibuat di hadapan benefisiari dan waris-waris di lokasi yang ditentukan berdasarkan persetujuan benefisiari dan waris-waris.

### 3.5.2.3 Siasatan

#### i. Siasatan Benefisiari dan Waris

Siasatan akan dibuat oleh pihak MAIN bagi mendapatkan maklumat benefisiari dan waris yang berkepentingan dengan pewasiat.

Siasatan bertujuan untuk memastikan kesahihan benefisiari dan waris bertepatan dan tidak bercanggah dengan maklumat yang dinyatakan di dalam Dokumen Wasiat Bertulis.

#### ii. Siasatan Harta

Siasatan berkenaan harta pewasiat akan dibuat melalui maklumat yang diperolehi daripada benefisiari, waris-waris atau saksi-saksi bagi memastikan maklumat harta pewasiat bertepatan di dalam Dokumen Wasiat Bertulis.

Siasatan ke atas hutang-hutang pewasiat yang meliputi hutang pewasiat dengan pemutang atau hutang penghutang dengan pewasiat sekiranya ada hendaklah dibuat bagi mengenal pasti hutang-hutang yang berkaitan dengan pewasiat.

#### iii. Siasatan Wasiat *Wajibah* (jika ada)

Bagi negeri-negeri yang mempunyai enakmen wasiat dan memperuntukkan wasiat *wajibah*, di dalam enakmen masing-masing, siasatan perlu dibuat bagi mengenal pasti cucu bagi anak lelaki pewasiat yang meninggal dunia terlebih dahulu sebelum kematian pewasiat.

### 3.5.2.4 Penilaian Harta

Penilaian harta hendaklah dibuat ke atas harta tak alih milik pewasiat bagi mendapatkan nilaiam am yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) atau mana-mana penilai berdaftar. *Fi* penilaian harta tersebut hendaklah ditanggung oleh benefisiari atau waris-waris atau ditolak daripada harta pusaka pewasiat atau melalui deposit pembukaan fail pewasiat.

### 3.5.2.5 Pengesahan Wasiat (jika perlu)

Sekiranya timbul pertikaian berkenaan kesahan wasiat, benefisiari atau waris-waris atau saksi-saksi di dalam Dokumen Wasiat Bertulis tersebut, maka pihak-pihak yang mempertikaikannya boleh membuat permohonan melalui saman dan penyata tuntutan di Mahkamah Syariah.

Bagi negeri-negeri yang memperuntukkan wasiat *wajibah* di dalam enakmen masing-masing, maka wasi boleh mengesyorkan kepada benefisiari dan waris-waris untuk membuat permohonan melalui saman dan penyata tuntutan di Mahkamah Syariah bagi mengesahkan wasiat *wajibah* si mati.

### 3.5.2.6 Pelaksanaan Wasiat

Sesuatu Dokumen Wasiat Bertulis yang sah atau dipersetujui oleh waris-waris atau disahkan oleh Mahkamah Syariah boleh dilaksanakan oleh wasi dengan mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir (*Letter of Administration*) di Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (UPPJKPTGP) (bagi nilai harta tak alih dan harta alih yang kurang daripada RM2,000,000.00) atau Mahkamah Tinggi Sivil (bagi harta tak alih dan harta alih yang melebihi RM2,000,000.00).

Sementara bagi harta alih sahaja yang nilainya kurang daripada RM600,000 permohonan boleh dibuat di ARB. Manakala bagi harta alih yang nilainya melebihi RM600,000 maka permohonan boleh dibuat di Mahkamah Tinggi Sivil. Namun begitu, bagi kategori di atas, ARB boleh dilantik sebagai pentadbir untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir daripada UPPJKPTGP ataupun Mahkamah Tinggi Sivil.

Surat Kuasa Mentadbir yang diperolehi oleh wasi akan membolehkan harta-harta wasiat dibahagikan kepada benefisiari dan selebihnya diberikan kepada waris-waris yang lain (melalui Perintah Pembahagian harta pusaka daripada UPPJKPTGP atau Mahkamah Tinggi Sivil atau ARB dan Sijil Faraid daripada Mahkamah Syariah).

## 3.6 LANGKAH-LANGKAH MEMPERKASA PENGURUSAN WASIAT DI BAITULMAL

### 3.6.1 Penggubalan dan Penyeragaman Enakmen Wasiat Negeri-negeri

Setakat ini, hanya 3 negeri yang memperuntukkan enakmen wasiat secara khusus seperti berikut:

- (i) ***Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (berkuat kuasa pada 1 Julai 2004);***

*“wasiat ertinya iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati.”*

- (ii) ***Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (berkuat kuasa pada 5 November 2004);***

*“wasiat ertinya iqrar seseorang yang dibuat pada masa hayatnya mengenai hartanya atau manfaat hartanya, untuk disempurnakan bagi maksud khairat atau apa-apa maksud lain yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati.”*

- (iii) ***Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (berkuat kuasa pada 1 Ogos 2005);***

*“wasiat ertinya iqrar seseorang yang dibuat pada masa hayatnya mengenai hartanya atau manfaat hartanya, untuk disempurnakan bagi maksud khairat atau apa-apa maksud lain yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati.”*

Enakmen-enakmen wasiat di atas adalah merupakan model perundangan yang perlu dijadikan panduan kepada negeri-negeri yang masih belum mempunyai enakmen wasiat supaya pengurusan harta wasiat dapat ditadbir dengan lebih baik dan berkesan. Penggubalan enakmen wasiat perlu dilakukan bagi memudahkan pengurusan harta wasiat ditadbir oleh pihak-pihak yang diberi kuasa mentadbir harta-harta tersebut. Bagaimanapun, enakmen tersebut masih mempunyai ruang bagi penambahbaikan dan disesuaikan dengan pelaksanaan di negeri masing-masing.

Aspek penyeragaman enakmen pula diperlukan agar pengurusan wasiat dapat dilaksanakan dengan berkesan dan tidak menimbulkan masalah walaupun melangkaui sempadan negeri. Enakmen wasiat yang tidak seragam juga boleh menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat berkaitan pengurusan wasiat disebabkan pentadbiran negeri-negeri yang berbeza mengikut enakmen masing-masing.

### **3.6.2 Hebahan Atau Promosi**

Pihak MAIN selaku badan pelaksana yang diberi amanah mentadbir harta pusaka orang-orang Islam di peringkat negeri perlu menghebahkan serta mempromosikan instrumen wasiat. Hal ini penting agar orang ramai mengetahui dengan lebih lanjut tentang fungsi dan pentadbiran wasiat di negeri-negeri.

Aktiviti penerangan dari semasa ke semasa boleh dibuat dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan dan swasta, dengan melibatkan seluruh masyarakat umum agar semua umat Islam peka akan tanggungjawab mereka merancang pengurusan harta secara bijaksana.

Aspek hebahan dan promosi perlu dilaksanakan secara bersepada supaya lebih efisien dari segi pengurusan kos, tenaga dan masa serta dapat mencapai golongan sasar yang lebih menyeluruh. Kaedah hebahan yang telah dilaksanakan oleh JAWHAR menerusi pelbagai saluran seperti televisyen dan radio terbukti telah dapat menarik perhatian masyarakat umum di seluruh negara serta membantu pihak MAIN dari segi pendedahan dan perkongsian maklumat.

### **3.6.3 Profesionalisme Kakitangan Dan Organisasi Yang Menguruskan Wasiat**

Ilmu dan kemahiran berkaitan perancangan dan pengurusan pewarisan harta mengikut undang-undang Syariah dan Sivil hendaklah menjadi salah satu aspek yang diterapkan kepada pegawai-pegawai yang mentadbir wasiat di negeri-negeri.

Aspek kerahsiaan yang merangkumi maklumat pewarisan seperti aset, liabiliti, waris yang sah, penamaan dan sebagainya milik pewasiat adalah terjamin dengan memastikan hanya pegawai tertentu sahaja dapat mengakses maklumat tersebut.

Pegawai yang melaksanakan pengurusan wasiat perlu mengetahui serba sedikit hal ehwal perundangan yang berkaitan bagi mengelakkan risiko tindakan undang-undang diambil oleh waris atau pihak berkepentingan yang boleh menjelaskan imej MAIN.

### **3.6.4 Pembangunan Infrastruktur Yang Bersepadu**

Kaedah penyimpanan dan kerahsiaan maklumat pewasiat pada tahap tertinggi menerusi kawalan akses maklumat oleh kakitangan yang diberi kuasa sahaja. Menerusi kaedah ini, orang ramai akan memberi sepenuh kepercayaan terhadap keselamatan data peribadi dalam sistem di MAIN.

Kecekapan dalam menguruskan prasarana bagi mengendalikan dokumen amat perlu agar setiap pelanggan sentiasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai MAIN.

Prasarana yang dibangunkan juga hendaklah menyokong aspek penyimpanan dokumen dan perkongsian maklumat supaya dapat diakses dan diaplikasikan di seluruh MAIN serta agensi yang berkaitan dengan efisien dan efektif. Perkongsian maklumat-maklumat penting berkaitan wasiat dalam kalangan MAIN, JAWHAR, AmanahRaya Berhad, Pejabat Pusaka Kecil, Jabatan Pendaftaran Negara dan lain-lain agensi yang berkaitan akan memudahkan pelaksanaan pengurusan wasiat di masa hadapan.

### **3.6.5 Penggunaan Teknologi Terkini yang Memudahkan Penyampaian Perkhidmatan**

Pengurusan dokumen secara digital atau e-Data akan membantu kelancaran pengurusan wasiat di MAIN. Pada zaman serba moden dan canggih ini, semua kerja memerlukan kepentasan dan MAIN juga tidak ketinggalan agar perkhidmatan yang disampaikan adalah pantas dan praktikal.

Sistem yang dibangunkan hendaklah memiliki spesifikasi yang terkini seperti pengenalan pengguna (*user ID*) sebagai kemudahan memasuki sistem di samping sebagai langkah berjaga-jaga daripada kecurian dokumen dan data peribadi. Pewasiat juga dapat mengakses maklumat wasiat bagi tujuan pindaan dengan kemudahan *interfacing* yang efektif dari segi kos.

### 3.6.6 Kerjasama Agensi-agensi Berkaitan Wasiat:

- (i) **Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)** - sebagai badan penyelaras di peringkat Persekutuan dalam memastikan agar pengurusan wasiat dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seragam menerusi promosi dan aktiviti-aktiviti pendidikan seperti seminar, penyiaran dokumentari, iklan dan sebagainya.
- (ii) **Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN)** - memperkemaskan pengurusan wasiat di negeri masing-masing melalui penggubalan enakmen, penambahbaikan prosedur serta menggiatkan perkongsian maklumat di antara negeri-negeri bagi mengelakkan permasalahan seperti wasiat yang didaftarkan beberapa kali (*duplication cases*);
- (iii) **Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (UPPKPTGP)** – merupakan sebuah unit yang telah lama beroperasi dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan pusaka termasuklah urusan wasiat. Oleh itu, kepakaran tersebut perlu dikongsikan agar pelaksanaan pengurusan wasiat dapat dipertingkatkan di negeri-negeri;
- (iv) **Institusi Perbankan dan Kewangan** - kerjasama pihak institusi perbankan dan kewangan dalam mempromosikan pengurusan wasiat kepada para pelanggan serta menyediakan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh MAIN seperti harta alih dan liabiliti dalam memastikan pusaka berwasiat dapat dilaksanakan segera untuk kebaikan waris;
- (v) **Amanah Raya Berhad (ARB)** - sebuah badan korporat yang beroperasi untuk keuntungan, tetapi sentiasa menitikberatkan aspek tanggungjawab sosial dalam menyebarluaskan produk-produk wasiat serta menjaga kebajikan pewasiat. Pihak ARB boleh berkongsi kepakaran dari segi pentadbiran dan sistem serta prosedur bagi memantapkan pelaksanaan wasiat di negeri-negeri; dan

- (vi) **Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO)** - menerusi kerjasama pintar dengan agensi-agensi yang sentiasa rapat dengan masyarakat seperti Persatuan Perwarisan Harta Malaysia (PEWARIS), Daftar Wasiat Malaysia (DWM), ABIM Outreach dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bagi memudahkan penyaluran maklumat kepada orang awam.

### 3.7 KESIMPULAN

Secara amnya, pengurusan wasiat Islam di Malaysia berada di tahap yang baik kerana wujudnya pentadbiran yang bersistematik terutamanya di negeri-negeri yang telah mempunyai enakmen wasiat serta peranan dan tanggungjawab sosial yang turut dimainkan oleh agensi-agensi swasta dalam membantu pelaksanaan wasiat di Malaysia. Namun demikian, masih terdapat banyak ruang yang boleh dilakukan penambahbaikan dalam pelbagai aspek seperti perundangan iaitu penggubalan enakmen wasiat bagi negeri-negeri yang belum mempunyai enakmen wasiat tersendiri serta penyeragaman enakmen-enakmen wasiat di negeri-negeri bagi tujuan penyelarasian.

Selain itu, peranan dan kerjasama yang boleh dimainkan oleh agensi-agensi yang berkaitan dengan pengurusan wasiat sama ada dari sektor Kerajaan ataupun swasta juga hendaklah diperkasakan lagi bagi meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan dalam pengurusan wasiat di negara kita. Penambahbaikan dari semasa ke semasa juga perlu dilakukan terhadap prosedur pengurusan wasiat oleh pihak-pihak yang menguruskan wasiat supaya ia sentiasa selari dengan perkembangan semasa dan kehendak masyarakat seterusnya dapat memastikan urusan permohonan dan pengurusan harta wasiat umat Islam dapat dipermudah dan dipercepatkan demi kepentingan dan kebajikan umat Islam di negara kita.



## BAB 4



## PENUTUP

*Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:*

“Orang yang malang ialah orang yang tidak sempat berwasiat.”

(Hadis riwayat Ibn Majah)

### 4.1 PENGENALAN

Penerbitan MPWI ini diharap akan dapat memberikan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan MAIN dan masyarakat umum bahawa perancangan harta umat Islam melalui instrumen wasiat amat penting terutamanya bagi membela nasib kaum kerabat terdekat yang memerlukan bantuan. Golongan yang dimaksudkan termasuklah mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan kasih sayang yang rapat tapi tidak termasuk dalam kalangan mereka yang berhak mendapat harta pusaka si mati.

Sememangnya hukum faraid merupakan undang-undang utama dalam pembahagian harta pusaka bagi seseorang yang telah meninggal dunia, namun Islam masih menggalakkan kita membuat wasiat terutama dalam situasi-situasi yang memerlukan seperti untuk tujuan amal kebajikan, mempunyai tanggungan atau tanggungjawab lain yang perlu dilaksanakan (contohnya anak angkat, cucu yang telah kematian ibu bapa dalam kes wasiat wajibah dan seumpamanya).

Justeru, setiap individu dan organisasi yang terbabit adalah berhak bertindak berdasarkan panduan yang telah diperjelaskan dalam MPWI ini bermula daripada konsep wasiat, aplikasi serta prosedur tadbir urus terbaik wasiat bagi umat Islam. Adalah tidak mustahil sekiranya pada masa hadapan, umat Islam lebih peka dan sedar betapa wasiat memberikan kesan yang besar dalam perancangan dan pembahagian harta pusaka selepas kematian serta pada masa yang sama berpotensi memperkasa institusi Baitulmal.

## 4.2 IMPAK

Menerusi MPWI ini, beberapa implikasi positif adalah diharapkan seperti berikut:

a. **Peningkatan Ilmu Pengetahuan Dan Kefahaman Umat Islam Tentang Konsep serta Pelaksanaan Wasiat**

Menerusi penerbitan MPWI ini, umat Islam berkesempatan untuk menambah ilmu pengetahuan dan kefahaman mereka melalui pembacaan dalam bab yang menyentuh konsep wasiat serta dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadis. Justeru, menerusi huraian yang dibuat dengan mengemukakan isu-isu dan permasalahan semasa, diharapkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam bahawa amalan wasiat ini tidak perlu dapat diperbetulkan. Seterusnya, penerangan tentang aplikasi wasiat di Malaysia akan memperjelaskan kepada para pembaca tentang kedudukan wasiat di negara kita dari segi pengurusan, undang-undang dan sebagainya.

b. **Peningkatan Masyarakat Islam Yang Membuat Wasiat**

Dengan meningkatnya ilmu pengetahuan dan kefahaman umat Islam berkaitan kepentingan instrumen wasiat ini dan kedudukannya dalam syariat Islam, diharapkan kesedaran mereka akan meningkat. Justeru, semakin ramai masyarakat Islam akan membuat wasiat ke atas harta mereka supaya ia dapat diurus dan diagihkan mengikut kehendak mereka berdasarkan keutamaan-keutamaan yang dihasratkan seperti kepentingan kaum kerabat, maslahat umum, amal kebajikan seperti wakaf, sedekah, hibah dan sebagainya.

c. **Memperkasa Perancangan Harta Umat Islam Dan Mengurangkan Masalah Harta Pusaka Yang Tidak Dituntut Milik Orang Islam**

Dengan kesedaran yang meningkat dalam kalangan masyarakat Islam berkaitan kepentingan wasiat, perancangan harta umat Islam dapat dimanfaat dan diperkasakan secara optimum bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi ummah dan negara. Masalah harta pusaka yang tidak dituntut milik orang Islam yang pernah dilaporkan sebelum ini dengan anggaran berjumlah sehingga RM40 bilion diharapkan tidak meningkat lagi apabila masyarakat Islam sudah sedar serta merancang pengurusan harta mereka untuk diagihkan secara sistematis selepas meninggal dunia.

**d. Pelaksanaan Wasiat yang Seragam Di Setiap MAIN**

Penerbitan MPWI ini juga bertujuan menyediakan garis panduan serta prosedur yang jelas dan seragam berkaitan tadbir urus terbaik pengurusan wasiat di semua MAIN. Justeru, menerusi bab yang menyentuh prosedur pengurusan harta wasiat di Malaysia, diharapkan akan menjadi garis panduan yang berguna kepada pihak MAIN dalam melaksanakan pentadbiran wasiat umat Islam. Sekiranya diaplิกasikan secara istiqamah, institusi Baitulmal negara pasti akan dipandang tinggi oleh masyarakat umum dan dunia luar kerana kesepaduan sistem yang diguna pakai sepenuhnya dalam membantu perancangan harta umat Islam.

**e. Penyeragaman Perundangan Wasiat Di Negeri-negeri**

Dengan adanya model prosedur pengurusan wasiat Islam yang jelas dan komprehensif menerusi MPWI ini, diharapkan agar semua MAIN yang belum mempunyai enakmen wasiat akan mula merangka enakmen wasiat negeri masing-masing bagi membantu perancangan harta umat Islam melalui instrumen wasiat. MPWI ini diharapkan akan menjadi garis panduan kepada pihak MAIN dalam mengaplikasikan pentadbiran wasiat umat Islam di negeri masing-masing.

#### **4.3 KESIMPULAN**

MPWI merupakan salah satu daripada Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang berperanan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada MAIN dan masyarakat umum dalam usaha JAWHAR mencapai Teras Strategik 1 dalam Pelan Strategik JAWHAR 2007-2011 iaitu “Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan Syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah”. Justeru, penerbitan MPWI ini adalah selaras dengan objektif utama Teras Strategik tersebut iaitu mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN. Maklum balas positif dan sokongan padu MAIN dan masyarakat umum adalah diharapkan agar usaha penambahbaikan dan pemantapan MPWI ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.



**SELANGOR**

**63**

**ENAKMEN No. 4 tahun 1999**

**ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM  
(SELANGOR) 1999**

**SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Seksyen**

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PELAKSANAAN WASIAT**

3. Wasiat boleh dibuat dengan lisan, tulisan atau isyarat.
4. Pembuktian wasiat.
5. Wasiat bersyarat.
6. Kelayakan pewasiat.
7. Syarat benefisiari.
8. Wasiat kepada tempat-tempat ibadat dan badan kebajikan.
9. Syarat-syarat sesuatu yang diwasiatkan.
10. Wasiat atas manfaat.
11. Cara-cara perwasiatan.

**BAHAGIAN III**

**PEMBATALAN WASIAT**

12. Wasiat terbatal.
13. Wasiat orang yang ditahan menguruskan hartanya.
14. Orang yang membunuh pewasiat tidak berhak kepada wasiat.

64

**SELANGOR NO. 4 TAHUN 1999**

**BAHAGIAN IV**

**PENARIKAN BALIK WASIAT**

**Seksyen**

- 15.** Menarik balik wasiat.
- 16.** Perbuatan-perbuatan yang tidak boleh dianggap sebagai penarikan balik wasiat.

**BAHAGIAN V**

**PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT**

- 17.** Penerimaan dan penolakan wasiat.
- 18.** Tempoh penerimaan dan penolakan wasiat.
- 19.** Menerima sebahagian dari wasiat.
- 20.** Penolakan sebelum dan selepas pewasiat mati.
- 21.** Penerimaan harta yang diwasiatkan.

**BAHAGIAN VI**

**PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN BENEFISIARI**

- 22.** Wasiat yang berhubungan dengan benefisiari yang belum wujud.
- 23.** Wasiat kepada orang tertentu.
- 24.** Wasiat kepada anak dalam kandungan.
- 25.** Wasiat kepada dua atau lebih anak dalam kandungan.

**BAHAGIAN VII**

**PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN  
PELUPUSAN MELALUI PERWASIATAN**

- 26.** Wasiat kepada waris dan bukan waris.

**BAHAGIAN VIII**

**WASIAH WAJIB AH**

- 27.** Wasiat kepada cucu.

**BAHAGIAN IX**

- 28.** Hukum Syarak.
- 29.** Kuasa membuat kaedah-kaedah.

**JADUAL**

## BORANG A

### MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI

#### BORANG PERMOHONAN WASIAT

##### 1. MAKLUMAT PEWASIAK

No. Fail :

1.1 Nama Pewasiat: .....

1.2 No. Kad Pengenalan: ( Lama ).....  
( Baru ).....

1.3 No. Pasport (Jika Ada): .....

1.4 Jantina: Lelaki / Perempuan \*

1.5 Status: Kahwin /Bujang / Duda/ Janda \*

1.6 Alamat Surat Menyurat: .....

.....

..... No. Tel:.....

Alamat e-mel: .....

1.7 Tarikh Lahir: ..... Umur: .....

1.8 Pekerjaan: .....

1.9 Nama Dan Alamat Majikan: .....

.....

..... No. Tel:.....

**1.10 Orang yang Boleh Dihubungi dan Hubungannya dengan Pewasiat:**

BIL.	NAMA	ALAMAT	NO. KAD PENGENALAN / NO. PASPORT	HUBUNGAN	NO. TEL.

**2. MAKLUMAT PENERIMA WASIAT / BENEFISIARI**

BIL.	NAMA	ALAMAT	UMUR	NO. KAD PENGENALAN / NO. PASPORT	HUBUNGAN	NO. TEL.

### 3. MAKLUMAT WARIS-WARIS

BIL.	NAMA	ALAMAT	UMUR	NO. KAD PENGENALAN / NO. PASPORT	HUBUNGAN	NO. TEL.

### 4. MAKLUMAT SAKSI-SAKSI

BIL.	NAMA	ALAMAT	NO. KAD PENGENALAN / NO. PASPORT	HUBUNGAN	NO. TEL.

## 5. MAKLUMAT HARTA

### 5.1 SENARAI HARTA TAK ALIH

BIL.	JENIS	NO. HAKMILIK DAN NO. LOT	MUKIM/ DAERAH	BAHAGIAN	LUAS KESELURUHAN

### 5.2 SENARAI HARTA ALIH

(TUNAI/ AKAUN BANK/ SAHAM INSURANS/ TAKAFUL DAN LAIN-LAIN)

BIL.	JENIS HARTA	NO. AKAUN/ AHLI/ DLL

### 5.3 JENIS HARTA YANG HENDAK DIWASIAITKAN

BIL.	JENIS HARTA

### 6. HUTANG (SEKIRANYA ADA)

BIL.	NAMA PEMIUTANG	ALAMAT	NO. TEL.	JUMLAH

#### 7. PEMIUTANG (SEKIRANYA ADA)

BIL.	NAMA PENGHUTANG	ALAMAT	NO. TEL.	JUMLAH

## 8. ARAHAN PEWASIAH

## 9. PENGAKUAN PEWASIAT

Saya \_\_\_\_\_ No. K/P: \_\_\_\_\_  
mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan ini adalah benar dan dengan  
ini saya bersetuju untuk melantik Majlis Agama Islam Negeri sebagai *Wasi* bagi  
wasiat saya ini.

---

Tarikh

---

Tandatangan Pewasiat

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

(untuk kegunaan pejabat)

Dokumen diterima oleh : .....

Tarikh terimaan : .....


Tandatangan dan cop pegawai : .....

Catatan : .....

: .....

LAMPIRAN 3

## **CARTA ALIRAN PENGURUSAN WASIAT ORANG ISLAM**



**LAMPIRAN 4**

Antara kes yang pernah difailkan dengan Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM):

<b>KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI MELAKA BIL 5/2008 TARIKH MESYUARAT : 29 Syawal 1429H / 29 Oktober 2008M</b>	
<b>Tajuk Fatwa</b>	<b>Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka</b>
Permohonan Pengecualian Bayaran Baitulmal Oleh AmanahRaya Berhad (ARB) Terhadap Harta Pusaka Burok Bin Bachek.	<p>Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa telah sebulat suara bersetuju memutuskan bahawa:</p> <p>a) Pihak AmanahRaya Berhad (ARB) hanya boleh melaksanakan satu pertiga (1/3) bahagian sahaja daripada keseluruhan harta pusaka (wang simpanan) Allahyarham Burok bin Bachek yang berjumlah RM 5,375.78 yang diwasiatkan kepada pihak Rumah Seri Kenangan, Cheng, Melaka. Manakala baki dua pertiga (2/3) bahagian harta pusaka tersebut adalah menjadi hak milik Baitulmal (Majlis Agama Islam Melaka) memandangkan waris-waris beliau gagal dikesan dan tidak diketahui kewujudannya.</p> <p>b) Sekiranya pihak AmanahRaya Berhad bercadang untuk menyerahkan keseluruhan harta pusaka Allahyarham Burok bin Bachek kepada pihak Rumah Seri Kenangan, Cheng, Melaka sebagai memenuhi wasiat beliau pada 15 Disember 1994, maka keizinan dan persetujuan daripada pihak Majlis Agama Islam Melaka selaku pihak yang menguruskan Baitulmal dan pemilik dua pertiga (2/3) bahagian harta pusaka Allahyarham hendaklah diperoleh terlebih dahulu.</p>

